LHDN
MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2017



# LAPORAN TAHUNAN 2017



Cetakan Pertama 2018
© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Perpustakaan Negara Malaysia    Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan LHDNM 2017

| | | |
|---|---|---|
| Reka Bentuk Kulit | : | Gigawise Network Sdn. Bhd. |
| Diatur huruf oleh | : | Muhammad Zulhilmi Zani/Nurfarhana Che Zahari |
| Rupa taip teks | : | DIN |
| Saiz taip teks | : | 9/10 |
| Dicetak oleh | : | Gigawise Network Sdn Bhd<br>No. 74, Jalan Kapar 27/89<br>HICOM Heavy Industrial Park<br>Seksyen 27 40400 Shah Alam<br>Selangor Darul Ehsan<br>T:03-5191 1115<br>F:03-5191 1004<br>www.gigaprint2u.com |

# KANDUNGAN


04 LAPORAN PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA

08 PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

12 PROFIL LHDNM

14 FUNGSI LHDNM

15 KUASA LHDNM

16 BUDAYA KORPORAT

18 PIAGAM PELANGGAN

20 NILAI TERAS

22 ANGGOTA LEMBAGA

24 PENGURUSAN EKSEKUTIF

26 CARTA ORGANISASI

28 PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

34 PENCAPAIAN LHDNM 2017

36 TERAS STRATEGIK

60 ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

64 BANTUAN RAKYAT 1 MALAYSIA (BR1M)

70 DIREKTORI LHDNM

74 PENYATA KEWANGAN

112 LAPORAN PRESTASI KEWANGAN



> Tahun 2017 menunjukkan perkembangan ekonomi global dan dalam negeri jauh melebihi jangkaan awal dengan pertumbuhan yang kukuh, menyeluruh dan terselaras.

**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah**

# LAPORAN PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA

**Bismillahirrahmanirrahim.**
**Assalamualaikum W.B.T.,**
**Salam Sejahtera,**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya Laporan Tahunan LHDNM 2017 berjaya diterbitkan.
Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada Dato' Sri Sabin Samitah selaku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan seluruh Hasilian di atas pencapaian cemerlang pada tahun ini. Pencapaian kutipan sebanyak RM123.312 bilion telah membuktikan bahawa LHDNM sentiasa komited dalam memastikan kutipan cukai langsung adalah selaras dengan peningkatan ekonomi negara.

Komitmen dan kegigihan serta tahap produktiviti yang dijana oleh semua yang terlibat adalah pada tahap yang amat membanggakan. Semoga LHDNM terus memartabatkan diri ke tahap yang lebih membanggakan pada masa hadapan.

**Prestasi kutipan LHDNM 2017**
LHDNM berjaya mencapai kutipan berjumlah RM123.312 bilion atau 8.22 peratus lebih tinggi berbanding 2016. Tahun 2017 menyaksikan enam (6) daripada sembilan (9) komponen utama cukai langsung menunjukkan peningkatan yang positif pada 31 Disember 2017 berbanding sasaran yang ditetapkan pada 01 Januari 2017 iaitu RM126.7 bilion.

Secara keseluruhannya, pencapaian LHDNM bagi tahun 2017 adalah berdasarkan kepada empat (4) Teras Strategik seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Penyumbang utama kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada pematuhan sukarela | Kutipan Cukai | RM123.312 bilion @ 97.33 % |
| | Audit Syarikat | Kes selesai 178,583 kes @ 137.48 % |
| | Audit Perniagaan | Kes selesai 446,163 kes @ 127.49 % |
| | Audit Individu Penggajian | Kes selesai 1,322,704 kes @ 133.48 % |
| | Audit Majikan | Kes selesai 67,534 kes @ 146.75 % |
| | Siasatan | Kes selesai 2,169 kes @ 138.51 % |
| | Tunggakan Debit Tahun Sebelum | Pengurangan terkumpul RM6.738 bilion @ 118.63 % |
| | Tunggakan Debit Semasa | Baki tunggakan 4.23% iaitu tidak melebihi peratusan sasaran sebanyak 100% @ 106.41 % |
| Pentadbir sistem percukaian yang diyakini rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada pelanggan | Bayaran Balik | Kes selesai 99.87 % daripada permohonan diterima @ 110.97 % |
| | Indeks Kepuasan Pelanggan | Sejumlah 99.11 % responden mencapai tahap kepuasan @ 132.15 % |
| Sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada kecemerlangan operasi | Kecekapan Kos Pungutan | Pencapaian kos pungutan pada RM1.75 @ 114.29 % |
| LHDNM sebagai majikan pilihan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada institusi mampan | Indeks Kepuasan Bekerja | Mencapai 95.87% tahap kepuasan bekerja @ 127.83% |

Tahun 2017 menunjukkan perkembangan ekonomi global dan dalam negeri jauh melebihi jangkaan awal dengan pertumbuhan yang kukuh, menyeluruh dan terselaras. Seiring pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga turut meningkat dengan menyumbang sebanyak 5.9 peratus berbanding sasaran asal Bank Dunia yang hanya menetapkan 4.2 peratus. Kesan positif ini sekaligus telah memberikan impak kepada kutipan hasil negara.

Inisiatif LHDNM seperti pemantapan penguatkuasaan fungsi penyiasatan, audit, perisikan dan pengesanan telah memberikan impak positif dalam kutipan cukai. Pencapaian cemerlang ini turut disokong oleh tahap pematuhan cukai secara sukarela dalam kalangan masyarakat yang semakin baik berikutan pelbagai program pendidikan dan kesedaran yang telah dilaksanakan oleh LHDNM. Bukan itu sahaja, malah kesemua inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun 2017 berjaya memberi impak akan kewujudan LHDNM dan dirasai oleh pembayar cukai khususnya.

> "Tirai 2017 telah berlabuh dengan jayanya. Namun sasaran RM140.113 bilion bagi tahun 2018 menuntut LHDNM untuk terus kekal fokus dan kompeten bagi memastikan tanggungjawab yang diberikan oleh kerajaan dilaksanakan dengan sebaiknya"

Kita sedia maklum bahawa cukai pendapatan merupakan komponen terbesar hasil negara, dengan sumbangan sekitar 50 sehingga 55 peratus setiap tahun, yang akan menjadi dana untuk membiayai dasar pembangunan negara dan kelangsungan kesejahteraan rakyat. Bagi memastikan LHDNM berada di landasan yang tepat dalam mencapai sasaran tahun 2018, strategi pemantapan yang berkesan meliputi aspek pemantapan pengurusan organisasi dengan tumpuan kepada kepimpinan, budaya kerja dan struktur organisasi akan terus dilaksanakan. LHDNM akan terus berusaha untuk menangani ketirisan cukai serta meningkatkan kadar pematuhan cukai.

**Prospek Ekonomi 2018**

Laporan Ekonomi 2018 Kementerian Kewangan Malaysia telah menyatakan ekonomi global 2018 dijangka berkembang 3.7 peratus berbanding 3.6 peratus dalam tahun 2017. Ini bermakna ekonomi dunia masih berdepan dengan risiko penurunan 1 peratus yang disebabkan antaranya, oleh ketidaktentuan dasar dalam ekonomi utama dunia.

Antara risiko yang dijangkakan adalah ketidaktentuan fasa Brexit, ketegangan geopolitik, kesan polisi percukaian Amerika Syarikat yang baharu, ketidaktentuan pasaran kewangan, *volatility* harga pasaran komoditi, dan terkini, tindakan Kesatuan Eropah untuk mengecualikan minyak sawit daripada campuran biodiesel dan tenaga boleh diperbaharui, dilihat memberi kesan kepada negara-negara yang bergantung kepada komoditi tersebut.

Bagi negara kita, Malaysia, landskap ekonomi dijangka kekal berdaya tahan pada tahun ini dengan unjuran pertumbuhan KDNK berkembang di antara 5.0 peratus hingga 5.5 peratus, yang didorong oleh permintaan domestik dan disokong oleh sektor luaran sebagai satu petanda positif peralihan ekonomi berpendapatan sederhana tinggi kepada ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Melangkah ke tahun 2018, LHDNM perlu lebih proaktif dalam meneroka peluang dan ruang baharu

sebagai satu *penetration strategy* bagi menampung kehilangan cukai langsung yang berlaku menerusi penurunan kadar cukai atau pemberian insentif-insentif kepada industri-industri tertentu. Sebagai ejen pemungut cukai bagi pihak kerajaan, LHDNM perlu sentiasa melaksanakan pembaharuan untuk kekal relevan dan berkesan. Penekanan yang tinggi juga ditumpukan kepada pembangunan profesional dan pelaburan yang berterusan ke atas warga kerja LHDNM.

**Sekalung penghargaan**

Tirai 2017 telah berlabuh dengan jayanya. Namun sasaran RM140.113 bilion bagi tahun 2018 menuntut LHDNM untuk terus kekal fokus dan kompeten bagi memastikan tanggungjawab yang diberikan oleh kerajaan dilaksanakan dengan sebaiknya. Tidak dinafikan, kejayaan ini mustahil tanpa adanya sokongan dan kerjasama yang padu daripada semua pihak terlibat.

Akhir kata, saya selaku Pengerusi Lembaga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua barisan Anggota Lembaga, pengurusan tertinggi LHDNM dan Hasilian keseluruhannya yang sentiasa mahukan yang terbaik untuk organisasi tercinta. Meskipun pelbagai rintangan dalaman dan luaran yang dihadapi, namun ia dapat ditangani dengan baik oleh semua pihak. Perlu saya nyatakan di sini juga, kejayaan LHDNM juga atas sokongan berterusan yang telah diberikan oleh pihak media melalui laporan dan publisiti. Usaha ini memainkan peranan penting dalam menerapkan kesedaran kepada orang ramai mengenai kewajipan membayar cukai sekaligus meningkatkan kadar pematuhan cukai. Kerjasama dengan pihak agensi kerajaan yang lain juga banyak membantu kepada pencapaian cemerlang kutipan tahun 2017. LHDNM akan terus memperkukuhkan hubungan baik dengan pihak berkepentingan, agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan agar dapat saling mendapat manfaat daripada jaringan yang diwujudkan.

Saya berharap semoga program pematuhan dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) LHDNM dapat ditingkatkan pada masa hadapan bagi menyemai kesedaran masyarakat akan fungsi sebenar LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara. Usaha ini penting bagi memastikan generasi akan datang benar-benar faham tentang konsep cukai sebagai persediaan menuju ke arah negara maju pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.



**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah**
Pengerusi Anggota Lembaga
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



> Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh LHDNM sepanjang tahun 2017 adalah bagi memastikan misi kutipan cukai dapat dicapai.

**Dato' Sri Sabin Samitah**

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Negaraku Sehati Sejiwa dan Salam 1Hasil**

Pertamanya, saya panjatkan ucapan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas kurnia dan izinNya **Laporan Tahunan LHDNM 2017** ini berjaya diterbitkan.

Alhamdullilah, saya telah diberi kepercayaan menerajui sebuah organisasi berprestasi tinggi dan mendapat sokongan penuh dari pelbagai pihak. Terima kasih atas segala kerjasama yang telah diberikan.

InsyaAllah, usaha-usaha kecemerlangan akan sentiasa saya dan Pengurusan Tertinggi saya terjemahkan, dan kemuncaknya adalah memenuhi harapan dan ekspektasi semua pihak yang berkepentingan dengan LHDNM.

**Pencapaian LHDNM**

Detik 31 Disember 2017 telah menyaksikan kejayaan buat LHDNM. LHDNM telah berjaya mencatatkan jumlah kutipan RM123.312 bilion iaitu peningkatan RM9.367 bilion atau 8.22% lebih tinggi berbanding kutipan yang dicatatkan pada tahun 2016.

Menerusi pencapaian ini, trend kutipan cukai LHDNM kembali berada dalam momentum positif setelah mencatatkan penurunan selama dua (2) tahun berturut-turut.

Tahniah Hasilian. Together, **WE DID IT!**

Pastinya, angka sasaran RM126.7 bilion bukanlah suatu nilai kecil tetapi ia suatu harapan besar yang dipertanggungjawabkan kepada LHDNM selaku agensi pengutip cukai langsung negara. Ia memberi makna bahawa fungsi dan peranan yang dijalankan oleh LHDNM tidak boleh diambil mudah dan dipandang ringan.

Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh LHDNM sepanjang tahun 2017 adalah bagi memastikan misi kutipan cukai dapat dicapai.

Apa yang telah kita lalui ini, menggambarkan keseluruhan strategi tahun 2017 telah dilaksanakan dengan baik dan berfokus dan natijahnya (6) enam daripada (9) sembilan segmentasi cukai berada dalam kedudukan positif.

**Perbandingan Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen**

| Komponen Cukai Langsung | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | Perbezaan (%) |
|---|---|---|---|
| Individu | 31,901.57 | 29,603.47 | 7.76 |
| Syarikat | 68,801.94 | 65,974.74 | 4.29 |
| Duti Setem | 5,670.32 | 5,674.04 | (0.07) |
| Cukai Pegangan | 3,266.38 | 2,549.36 | 28.13 |
| CKHT | 1,697.98 | 1,491.67 | 13.83 |
| Koperasi | 74.48 | 89.71 | (16.98) |
| Cukai Lain | 86.69 | 90.09 | (3.77) |
| CP. Lain – Sek 124 | 51.23 | 46.18 | 10.94 |
| Petroleum | 11,760.92 | 8,425.76 | 39.58 |
| **Kutipan Kasar** | **123,311.51** | **113,945.02** | **8.22** |

*Cukai lain termasuk cukai Labuan dan hasil bukan cukai

**Inisiatif**

Melayari perjalanan tahun 2017, LHDNM telah menggerakkan jenteranya ke seluruh pelusuk tanah air menerusi pelbagai pendekatan, dengan satu objektif yang jitu, iaitu memudahkan pematuhan dan menyukarkan ketidakpatuhan *(making compliance easy, non-compliance difficult).*

Strategi yang kembali memberi fokus kepada aktiviti teras percukaian terus dimantapkan dengan menerapkan elemen kecemerlangan iaitu:

a) Menekankan kepada kepimpinan dan kompetensi;
b) Memberi nafas baharu kepada budaya kerja;
c) Mengubah proses kerja dan *business model*; dan
d) Mengemaskini struktur organisasi.

Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kadar pematuhan secara sukarela dapat dipertingkatkan dan hasil negara terus terpelihara.

Implikasi positif dilihat menerusi pelaksanaan pelbagai operasi penguatkuasaan bermula dengan Operasi Gegar Bersepadu dan berakhir dengan Operasi Mega serta pelaksanaan secara terancang pelbagai Program Kesedaran dan Pendidikan Cukai.

**Pengurusan BR1M**

Sedia maklum, LHDNM juga turut melaksanakan tadbir urus permohonan Bantuan Rakyat 1 Malaysia atau BR1M di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 8,262,538 permohonan BR1M telah berjaya diproses.

LHDNM bertuah kerana telah diberi kepercayaan menguruskan agenda kerajaan ini dan bersungguh-sungguh meningkatkan mutu perkhidmatan kepada seluruh rakyat secara keseluruhannya.

Bagi tujuan ini, LHDNM telah menyediakan satu Aplikasi Mobile Semakan BR1M yang dilihat menepati perkembangan teknologi terkini yang berorientasikan mobile di mana pemohon BR1M boleh menyemak status permohonan dengan cepat dan tepat.

**Pengiktirafan**
Sebagai agensi barisan hadapan negara, LHDNM turut berazam dan berusaha memberikan perkhidmatan serta layanan terbaik kepada pembayar cukai.

Selain memperkasakan teras percukaian, LHDNM turut dimantapkan menerusi pelaksanaan pelbagai program tanggungjawab sosial serta menjalankan publisiti berfokus dan relevan dengan kehendak masa kini.

Lebih membanggakan, menerusi usaha dan kerja keras ini, LHDNM mendapat pengiktirafan pihak luar. Pada tahun 2017, LHDNM telah dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Khas 'Kecemerlangan Penyampaian Perkhidmatan' sempena majlis PNB-ASNB Starz Awards Nite.

**Penghargaan**
Sebagai sebuah pentadbir cukai, kadar kutipan cukai pastinya penanda aras utama kepada kelestarian LHDNM sebagai sebuah pentadbir cukai terunggul yang dihormati dan disegani.

Kejayaan ini tidak datang bergolek dan tidak juga terbang melayang, melainkan sokongan dan kerjasama penuh semua pihak terlibat terutamanya barisan Anggota Lembaga LHDNM, Pengurusan Tertinggi LHDNM dan Hasilian, yang sentiasa berusaha bersama organisasi ini. Terima kasih kepada semua.

**Melangkah ke tahun 2018**
Bagi tahun 2018 ini, sasaran yang telah diletakkan oleh Kementerian Kewangan kepada LHDNM adalah RM134.713.

Melihat kepada dinamika ekonomi tahun 2018, kerajaan menjangkakan unjuran saiz ekonomi akan mula berkembang pada nilai RM1.446 trilion dengan peratus kutipan cukai langsung berbanding KDNK berada pada kadar 9.31% bersamaan RM134.713 bilion.

InsyaAllah, LHDNM positif dengan melihat keupayaan ekonomi negara pada masa ini untuk merealisasikan sasaran kutipan cukai yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Saya amat yakin, LHDNM berupaya menjalankan visi dan misinya yang meletakkan teras percukaian sebagai subjek utama dengan penuh integriti dan telus berdasarkan undang-undang percukaian.

LHDNM akan sentiasa menyantuni masyarakat di luar dengan menjelaskan sebaik mungkin bahawa cukai adalah suatu aset komuniti yang wajib dipelihara, dan segala sumbangan rakyat dalam bentuk cukai akan kembali dinikmati oleh kita sebagai rakyat.

Sekian, terima kasih.



**Dato' Sri Sabin Samitah**
**Ketua Pegawai Eksekutif**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**



# PROFIL LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara.

LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperolehi lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kakitangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian.

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN), ia diperbadankan pada 1hb Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Agensi ini bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta berikut :

**Akta Cukai Pendapatan 1967,**
**Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967,**
**Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976,**
**Akta Penggalakan Pelaburan 1986,**
**Akta Setem 1949,**
**Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.**

# FUNGSI LHDNM

1. Bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga

2. Menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut

3. Turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian

4. Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain

5. Bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis

# KUASA LHDNM

1. Membuat Kontrak

2. Mempergunakan segala harta Lembaga, alih dan tak alih, dengan cara yang difikirkan suaimanfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut

3. Melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan, sama ada bersendiri atau bersama-sama dengan organisasi lain, atau agensi antarabangsa, bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik

4. Memberi nasihat atau bantuan teknikal, termasuk kemudahan latihan kepada pihak-pihak berkuasa percukaian negara-negara lain

5. Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga

6. Memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga

7. Menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi, dan kegiatan yang berfaedah untuk, kebajikan pekerja Lembaga

8. Menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainnya membiayai latihan tersebut

9. Melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya

# BUDAYA KORPORAT

## VISI

Pentadbir Cukai Terunggul yang Menyumbang Kepada Pembangunan Negara

## MISI

Memberikan Perkhidmatan Percukaian yang Cemerlang dengan :

i. Mempertingkatkan pematuhan sukarela
ii. Melaksanakan sistem percukaian berintegrasi dan telus
iii. Meningkatkan keberkesanan operasi melalui inovasi proses dan teknologi maklumat
iv. Memantapkan tenaga kerja kompeten

## OBJEKTIF

Melaksanakan Sistem Percukaian yang Berkesan, Adil dan Saksama

## SLOGAN

Bersama Membangun Negara

## DASAR KUALITI

Berteraskan Integriti, Kami Komited Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik Untuk Pelanggan

## MOTO PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda

# PIAGAM PELANGGAN



**KAMI KOMITED UNTUK MENAMBAHBAIK SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SECARA BERTERUSAN SERTA MEMBERIKAN LAYANAN YANG ADIL DAN SAKSAMA DALAM SEGALA URUSAN BERDASARKAN PIAWAIAN BERIKUT:**

**1** Menyediakan Borang Nyata Cukai Pendapatan untuk tahun semasa bagi:
i. pembayar cukai individu - pada akhir bulan Februari
ii. pembayar cukai selain individu - pada akhir bulan April

**2** Menyediakan kemudahan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik

**3** Mengembalikan lebihan bayaran/pembayaran balik cukai pendapatan bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan yang lengkap dan betul dari tarikh penerimaan borang secara:
i. e-Filing - 30 hari bekerja
ii. pos atau serahan tangan - 90 hari bekerja

**4** Mengeluarkan surat penyelesaian cukai dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh dokumen relevan yang lengkap diterima

**5** Mengambil tindakan atas surat cara pindah milik harta tanah bagi taksiran duti setem seperti berikut:
i. menghantar Borang PDS 15 untuk penilaian - 8 hari bekerja
ii. mengeluarkan notis taksiran dari tarikh laporan penilaian diterima - 8 hari bekerja
iii. mengindorskan Borang KTN 14A dari tarikh bayaran diterima - 3 hari bekerja

**6** Menaksir surat cara selain daripada surat cara pindah milik harta tanah bagi:
i. taksiran rasmi - 5 hari bekerja
ii. taksiran tidak rasmi - 1 hari bekerja terhad kepada 30 surat cara bagi setiap pemohon



**7** Menyelesaikan rayuan/bantahan selain daripada Borang Q dalam tempoh 60 hari sekiranya maklumat lengkap diterima

**8** Memproses Borang Q untuk dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 5 bulan dari tarikh penerimaannya

**9** Mengambil tindakan terhadap surat, faks, dan e-mel dengan mengeluarkan:

i. surat akuan terima dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan
ii. surat makluman berhubung status tindakan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas surat akuan terima dihantar sekiranya perkara yang dibangkitkan mengambil masa untuk diselesaikan

**10** Menjawab panggilan telefon dalam tempoh tidak melebihi 3 deringan

**11** Memberi layanan di kaunter dalam tempoh 15 minit selepas mengambil nombor giliran

# NILAI TERAS

**H** Hasil sentiasa ceria dan seronok

**A** Bekerja dalam satu pasukan

**S** Dengan Profesional

**I** Berteraskan integriti

**L** Untuk mencapai kecemerlangan



**H**APPY
TE**A**MWORK
PROFE**S**SIONALISM
INTEGR**I**TY
EXCEL**L**ENCE

## HAPPY

Budaya *Happy At Work* dapat menaikkan semangat Hasilian dalam meningkatkan produktiviti organisasi

Menerapkan dan mengamalkan budaya mesra serta saling hormat menghormati ke arah mewujudkan organisasi penyayang dan harmoni

*Managing People* dengan etika dan tatasusila yang baik dan sewajarnya

Mewujudkan komitmen secara sukarela untuk bersama-sama mencapai matlamat / KPI Korporat yang telah diterapkan

## TEAMWORK

Kerjasama yang utuh diterapkan dalam diri setiap Hasilian menjadikan setiap perancangan keputusan yang dilaksanakan lebih teratur,menjimatkan masa dan cekap seterusnya menghasilkan produktiviti yang tinggi. Hasilian akan lebih gemilang jika setiap sesuatu perkara dilaksanakan secara berpasukan

## PROFESSIONALISM

Hasilian mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik dalam setiap urusan pentadbiran percukaian ke arah menjana pendapatan negara. Selain itu, setiap urusan ditadbir dan diuruskan secara profesional dan cekap

## INTEGRITY

Integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawai LHDNM selari dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited

## EXCELLENCE

Hasilian berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi ke arah pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara

# ANGGOTA LEMBAGA



## PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA

1. **YBHG. TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH**
   Ketua Setiausaha Perbendaharaan
   Perbendaharaan Malaysia



2. **YBHG. DATO' SRI SABIN BIN SAMITAH**
   Ketua Pegawai Eksekutif
   Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

3. **YBHG. TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN**
   Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
   Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia









**4. YBHG. DATIN PADUKA ZAUYAH BE BINTI T. LOTH KHAN**
Peguam Cara Negara II
Jabatan Peguam Negara

**5. YBHG. DATO' KHODIJAH BINTI ABDULLAH**
Setiausaha Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia




**6. YBRS. ENCIK SAAT BIN ESA**
Akauntan Negara Malaysia

**7. YBHG. DATUK FADZLI BIN ABDUL WAHIT**
Konsultan Swasta




**8. YBHG. TAN SRI DATUK RASHPAL SINGH A/L JESWANT SINGH**
Konsultan Swasta

**9. YBHG. DATUK HJ. MD AFENDI BIN DATUK HJ. HAMDAN**
Konsultan Swasta






# PENGURUSAN EKSEKUTIF

1. **DATO' SRI SABIN SAMITAH**
   Ketua Pegawai Eksekutif
   Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

2. **DATUK NOOR AZIAN ABDUL HAMID**
   Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
   (Dasar)

3. **DATUK MOHD NIZOM SAIRI**
   Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
   (Pengurusan)

4. **MAHMOOD DAUD**
   Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
   (Operasi Percukaian)

5. **ABDUL MANAP DIM**
   Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
   (Pematuhan)


4
2
1
3
5

# CARTA ORGANISASI

**ANGGOTA LEMBAGA**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LHDNM**

PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)

- Jabatan Resolusi Pertikaian
- Jabatan Dasar Percukaian
- Jabatan Percukaian Antarabangsa
- Jabatan Undang-Undang
- Jabatan Penyelidikan Percukaian

- Pejabat Pengarah Negeri Perak
- Pejabat Pengarah Negeri Kelantan / Terengganu
- Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya

JABATAN AUDIT DALAM

| TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN) | TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMATUHAN) | TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI PERCUKAIAN) |
|---|---|---|
| Jabatan Pengurusan Insan | Jabatan Pematuhan Cukai | Jabatan Operasi Cukai |
| Jabatan Kewangan | Jabatan Siasatan | Jabatan Pungutan Hasil |
| Jabatan Integriti & Pengurusan Risiko | Jabatan Perisikan & Profiling | Jabatan Teknologi Maklumat |
| Jabatan Logistik Korporat | Jabatan Tindakan Khas | Jabatan Khidmat Korporat |
| Akademi Percukaian Malaysia | Jabatan Operasi Khas | |
| | Cawangan Pembayar Cukai Besar | |
| | Cawangan Cukai Multinasional | |
| | Cawangan Industri Khas | |
| Pejabat Pengarah Negeri Selangor | Pejabat Pengarah Negeri Kedah / Perlis | Pejabat Pengarah Negeri Sabah |
| Pejabat Pengarah Negeri Sarawak | Pejabat Pengarah Negeri Pulau Pinang | Pejabat Pengarah Negeri Pahang |
| Pejabat Pengarah Negeri Johor | Pejabat Pengarah Negeri Sembilan / Melaka | Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |



# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) beriltizam memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat bagi melindungi kepentingan dan reputasi LHDNM. Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM

**Keanggotaan Lembaga**

Subseksyen 6(1) Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) menetapkan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota seperti berikut:

- **A** Ketua Setiausaha Perbendaharaan, yang hendaklah menjadi Pengerusi
- **B** Peguam Negara atau wakilnya
- **C** Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya
- **D** Tidak melebihi dua orang wakil kerajaan, yang dilantik oleh Menteri Kewangan
- **E** Tidak lebih daripada tiga orang wakil swasta yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau perundangan yang dilantik oleh Menteri Kewangan

Komposisi keanggotaan ini selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik dan memastikan keseimbangan kuasa dalam meningkatkan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk membuat keputusan yang bebas. Anggota Lembaga LHDNM terdiri daripada individu yang

mempunyai pencapaian hebat, kemahiran yang pelbagai, kompeten, berpengalaman dan kebolehpercayaan untuk memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

### Peranan Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif

Pengerusi Lembaga berperanan dalam mengurus dan memberi kepimpinan kepada Anggota Lembaga untuk memutuskan perkara-perkara yang dibawa ke perhatian Lembaga dan memantau setiap keputusan Lembaga. Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) adalah sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti ditetapkan di bawah Seksyen 134(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) iaitu menjaga dan mengurus cukai. Pada masa yang sama di bawah Seksyen 6A (1) Akta 533, Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

Sepanjang tahun 2017, enam Mesyuarat Lembaga telah diadakan dengan kehadiran melebihi korum bagi semua mesyuarat seperti berikut:

a. MLHDNM Bil 1/2017 – 20 Januari 2017

b. MLHDNM Bil 2/2017 – 26 Mac 2017

c. MLHDNM Bil 3/2017 – 25 Mei 2017

d. MLHDNM Bil 4/2017 – 27 Julai 2017

e. MLHDNM Bil 5/2017 – 22 September 2017

f. MLHDNM Bil 6/2017 – 23 November 2017

### Jawatankuasa Lembaga

Bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan berdasarkan peruntukan statutori subseksyen 12(1) Akta 533 yang mana keahlian setiap jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi Lembaga daripada kalangan barisan Anggota.

Lembaga Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

A Jawatankuasa Audit Lembaga

B Jawatankuasa Kewangan

C Jawatankuasa Pelaburan

D Jawatankuasa Pengurusan Insan Dan Saraan I

E Jawatankuasa Perolehan A dan B

F Jawatankuasa Tatatertib 1

G Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Setiap jawatankuasa tersebut berfungsi untuk bertindak ke atas isu-isu yang kompleks, spesifik dan khusus. Syor dan cadangan tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga diangkat terus kepada Mesyuarat Lembaga untuk membuat keputusan. Pertanggungjawaban secara kolektif ini merupakan amalan efektif dalam memartabatkan tadbir urus korporat.

## PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

LHDNM telah mengamalkan Pengurusan Risiko semenjak 2011 membuktikan perkembangan yang dinamik dan sentiasa dititikberatkan untuk mencapai objektif organisasi utama iaitu kutipan cukai. Tadbir urus yang cemerlang berteraskan pengurusan kutipan hasil yang cekap, pengurusan risiko yang dinamik serta kawalan dalaman yang memberi jaminan pematuhan. Sehubungan itu, LHDNM sentiasa berusaha ke arah menginternalisasikan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mapan untuk memastikan tadbir urus yang cemerlang. Tiga elemen penting yang memastikan kecemerlangan tadbir urus LHDNM adalah Pengurusan Risiko, Integriti dan Kawalan Dalaman yang dikenali sebagai ***The RMIIA Rings of Governance.***

***The RMIIA Rings of Governance***




Projek *The RMIIA Rings of Governance* (usahasama antara LHDNM dan UiTM) telah memenangi Pingat Emas dalam pertandingan iidex2017 pada 29 September 2017.

### 1. Pengurusan Risiko

Demi menjamin kualiti dan keberkesanan amalan pengurusan risiko di LHDNM, satu struktur tadbir urus pengurusan risiko telah dimeterai yang melibatkan anggota dan jawatankuasa seperti berikut:

| Peranan | Tanggungjawab |
|---|---|
| Lembaga Pengarah LHDNM | Menerima jaminan dan mengawasi pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan di LHDNM |
| Jawatankuasa Audit LHDNM | Memberi perhatian dan memantau pengurusan risiko dilaksanakan dengan mematuhi rangka kerja serta arahan-arahan yang telah dikeluarkan |
| Pengurusan Tertinggi LHDNM | Mengawasi dan memastikan pengurusan risiko berfungsi dengan berkesan disamping memberi tumpuan kepada risiko yang kritikal serta risiko strategi |
| Jawatankuasa Pengurusan Risiko | Mengawasi pelaksanaan pengurusan risiko dan membuat keputusan untuk tindakan pemulihan risiko oleh pemilik proses dan pemilik risiko |
| Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | Mengawasi risiko yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di premis LHDNM serta membuat keputusan untuk tindakan pemulihan risiko oleh pemilik proses dan pemilik risiko |
| Pemilik Proses | Menerima laporan risiko yang didaftar oleh pemilik risiko dan mengambil tindakan pemulihan risiko |
| Pemilik Risiko | Mengenal pasti risiko dan mendaftar risiko untuk tindakan pihak yang bertanggungjawab |

Terdapat beberapa fungsi Pengurusan Risiko yang dilaksanakan oleh LHDNM iaitu Pengurusan Risiko Korporat, Pengurusan Risiko Rasuah, Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan serta Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan.

### (i) Pengurusan Risiko Korporat

Pelaksanaan pengurusan risiko organisasi (*Enterprise Risk Management* - ERM) di LHDNM menerima pakai piawaian antarabangsa ISO 31000:2009 [*Risk Management - Principles and Guidelines*] yang memberi panduan tentang polisi, prinsip, proses, metodologi dan rangka kerja dalam amalan ERM di LHDNM. Berlandaskan ISO 31000:2009, LHDNM telah melaksanakan proses pengurusan risiko seperti berikut:

**Proses Pengurusan Risiko**




Melalui proses pengurusan risiko tersebut, LHDNM telah berjaya mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan sumber manusia, operasi, teknologi, keselamatan, pematuhan, kewangan, imej dan reputasi serta faktor luaran. Seterusnya risiko dianalisis, dinilai serta beberapa tindakan pemulihan risiko dilaksanakan oleh pemilik risiko untuk memastikan risiko ditangani dengan cekap dan berkesan serta penarafan risiko diturunkan kepada rendah. Pemantauan dan kaji semula adalah penting untuk menjamin kawalan risiko yang berterusan, manakala komunikasi dan konsultasi yang berterusan merupakan pendekatan yang efektif untuk menyebarkan informasi tentang risiko dan pengurusan risiko di LHDNM.

### (ii) Pengurusan Risiko Rasuah

Tadbir urus cekap ialah tanpa rasuah dan tinggi nilai integriti. LHDNM sentiasa memandang serius tentang risiko rasuah yang boleh berlaku sekiranya gejala ini tidak ditangani dengan berkesan. Justeru, LHDNM telah memperkenalkan satu fungsi baharu iaitu Pengurusan Risiko Rasuah dalam tahun 2017. Beberapa program integriti dan pencegahan rasuah telah digarap untuk menerap nilai murni dan integriti serta mengelak perbuatan rasuah di kalangan pegawai LHDNM, antaranya adalah:

- **Taklimat SPRM**
- **Ikrar Bebas Rasuah**
- **Bengkel Kenal Pasti Risiko Rasuah**
- **Pelancaran Pelan Pengurusan Risiko Rasuah**
- **Penyediaan Profil Risiko Rasuah**

Pemantauan yang berterusan dititikberatkan untuk menjamin pengurusan risiko rasuah yang cekap dan berkesan oleh semua pihak di LHDNM.

### (iii) Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan

Aktiviti pengurusan risiko juga mengenal pasti insiden atau kejadian yang memberi impak terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan di mana pemantauan berterusan dilaksanakan melalui fungsi Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan. Pelan tindakan bencana LHDNM telah disediakan untuk melindungi kepentingan pegawai dan organisasi. Analisis Impak Perkhidmatan serta Pentaksiran Risiko dipraktikkan untuk menilai risiko yang boleh menggugat penyampaian perkhidmatan LHDNM. Justeru pelan tindakan yang menyeluruh dirujuk serta simulasi bencana diamalkan demi memastikan impak terhadap sebarang gangguan dapat diminimumkan serta perkhidmatan yang terbaik dapat disampaikan kepada pelanggan LHDNM.

### (iv) Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan

LHDNM juga menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan pegawai dan pelawat ke semua premis LHDNM menerusi amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang mantap serta mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Selain itu, LHDNM sentiasa berusaha memastikan persekitaran yang selamat dan sihat bagi menjamin kesihatan dan tempat kerja yang kondusif. Ini bertujuan untuk memberi kesejahteraan kepada pegawai serta pelawat yang hadir berurusan di premis LHDNM. Pegawai yang sihat dan berpuashati dengan persekitaran tempat kerja dapat meningkatkan produktiviti organisasi. Manakala pelawat yang berpuashati dapat meningkatkan imej dan reputasi yang positif tentang LHDNM.

## 2. Kawalan Dalaman

LHDNM bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk memastikan pengurusan kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan dalam memitigasi risiko yang wujud dan seterusnya memacu tadbir urus korporat yang terbaik dalam mencapai objektif LHDNM.

### (i) Rangka Kerja Kawalan Dalaman

Rangka Kerja kawalan dalaman yang utama adalah berdasarkan *Committee of Sponsoring Organisations* (COSO) iaitu penanda aras antarabangsa yang diterima umum. Elemen utama COSO yang diadaptasikan di LHDNM adalah:-

| | |
|---|---|
| **Kawalan Persekitaran** | Garis panduan keseluruhan yang menetapkan halatuju organisasi dan merupakan asas kepada semua kawalan dalaman yang lain |
| **Penilaian Risiko** | Penarafan risiko yang dikenalpasti dan kawalan dalaman yang perlu ada |
| **Aktiviti Kawalan** | Polisi dan Prosedur dalam mentadbir urus operasi harian |
| **Maklumat dan Komunikasi** | Maklumat yang tepat dan lengkap disalurkan melalui sistem komunikasi yang efisien dan efektif |
| **Kawalan Pemantauan** | Pemantauan/Naziran berterusan oleh jabatan/unit yang bertanggungjawab di dalam organisasi |

Penilaian kawalan dalaman yang mantap di LHDNM dilaksanakan berhubung perkara berikut:

1. Pencapaian objektif strategik LHDNM
2. Kebolehsandaran dan integriti maklumat kewangan dan operasi
3. Keberkesanan dan kecekapan operasi serta program
4. Perlindungan aset LHDNM
5. Pematuhan kepada undang-undang, akta, polisi, prosedur dan kontrak LHDNM

LHDNM mengadaptasikan model 5 Barisan Pertahanan utama *(5 Lines of Defense)* pengurusan kawalan dalaman yang berkesan dalam melaksanakan operasi harian seperti berikut:



| | | |
|---|---|---|
| Kumpulan Pelaksana | - | Jabatan/Negeri/ Cawangan/Siasatan *(Business Unit/Front Liner/ Risk Owner)* |
| Pengurusan Risiko/ Naziran | - | Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko/ Jabatan Pemilik Proses yang menjalankan aktiviti naziran dan pematuhan |
| Audit Dalam | - | Jabatan Audit Dalam/ Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko |
| Lembaga Pengarah | - | Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL / Ahli Lembaga Pengarah LHDNM |
| Pihak Luar Berkepentingan *(External Stakeholders)* | - | Pembayar Cukai/ Kementerian Kewangan dan Lain Lain |

Kesimpulannya, kelima-lima barisan pertahanan ini perlu berfungsi dengan sempurna bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan *Rings of Governance* LHDNM.

### (ii) Jaminan Mengenai Kawalan Dalaman

Semakan terhadap keberkesanan *Rings of Governance* LHDNM adalah suatu proses berintegrasi dan berterusan serta dikawal selia oleh:

- Lembaga Pengarah LHDNM
- Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL)
- Jabatan Audit Negara Malaysia/Juruaudit Luar
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Jabatan Audit Dalam LHDNM dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko LHDNM

Tugas dan tanggungjawab Jabatan Audit Dalam dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko memberi laporan secara bebas kepada JKAL di dalam memberi jaminan bahawa pengurusan kawalan dalaman LHDNM adalah berkesan dan mencukupi. Keberkesanan dan kebebasan laporan ini disokong oleh:-

- JKAL bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun dan memberi pandangan serta membuat keputusan ke atas penemuan dan cadangan oleh pasukan audit dan juga isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara

- JKAL bertanggungjawab ke atas Kawalan Dalaman LHDNM sebagai mana dinyatakan di dalam Terma dan Rujukan JKAL seperti berikut:
  - ➤ menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi;
  - ➤ mempertimbangkan keberkesanan sistem kawalan dalaman LHDNM, termasuk keselamatan teknologi maklumat dan kawalan;
  - ➤ mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman untuk menjamin kecekapan operasi LHDNM

- Pembentangan Laporan JKAL oleh Pengerusi JKAL kepada Lembaga Pengarah dua kali setahun.

- Ketua Audit Negara mengeluarkan sijil audit kepada Penyata Kewangan LHDNM setiap tahun.

LHDNM sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi dalam memastikan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap melalui fungsi-fungsi yang dinyatakan di atas. Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman LHDNM memastikan risiko di dalam organisasi dapat diurus dengan cekap dan berkesan, dan seterusnya menjamin organisasi mencapai objektifnya. Usaha yang berterusan daripada semua pihak di LHDNM daripada peringkat pegawai sokongan, pengurusan, pengurusan tertinggi serta ahli Lembaga adalah penting untuk membudayakan pengurusan risiko serta pengurusan kawalan dalaman yang mantap dalam amalan tugas harian demi mencapai objektif serta mengekalkan tadbir urus cemerlang LHDNM.

# PENCAPAIAN LHDNM 2017

| PROSES UTAMA | SASARAN | PRESTASI | PERATUS PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| Kutipan Cukai | RM126,699 juta | **RM123,312 juta** | **97.33** |
| Audit Syarikat | 129,893 kes | **178,583 kes** | **137.48** |
| Audit Perniagaan | 349,952 kes | **446,163 kes** | **127.49** |
| Audit Penggajian | 990,950 kes | **1,322,704 kes** | **133.48** |
| Audit Majikan | 46,020 kes | **67,534 kes** | **146.75** |
| Siasatan | 1,566 kes | **2,169 kes** | **138.51** |
| Tunggakan Debit Tahun Sebelum | RM5,680 juta | **RM6,738 juta** | **118.63** |
| Tunggakan Debit Tahun Semasa | Tidak lebih 10.00% | **4.23%** | **106.41** |
| Bayaran Balik | Selesai 90.00% permohonan (2,174,613 kes) | **99.87%** | **110.97** |
| Indeks Kepuasan Pelanggan | 75.00% | **99.11%** | **132.15** |
| Kecekapan Kos Pungutan | ≤ 2.00% dari RM 100 yang dipungut | **1.75%** | **114.29** |
| Indeks Kepuasan Bekerja | 75.00% | **95.87%** | **127.83** |

## PRESTASI KUTIPAN CUKAI LANGSUNG

| KOMPONEN | 2017 (RM JUTA) | 2016 (RM JUTA) | BEZA (RM JUTA) | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|---|
| INDIVIDU | 31,901.57 | 29,603.47 | 2,298.10 | 7.76 |
| SYARIKAT | 68,801.94 | 65,974.74 | 2,827.20 | 4.29 |
| DUTI SETEM | 5,670.32 | 5,674.04 | (3.72) | (0.07) |
| CUKAI PEGANGAN | 3,266.38 | 2,549.36 | 717.02 | 28.13 |
| CKHT | 1,697.98 | 1,491.67 | 206.31 | 13.83 |
| KOPERASI | 74.48 | 89.71 | (15.23) | (16.98) |
| CUKAI LAIN* | 86.69 | 90.09 | (3.40) | (3.77) |
| CP. LAIN-SEK 124 | 51.23 | 46.18 | 5.05 | 10.94 |
| PETROLEUM | 11,760.92 | 8,425.76 | 3,335.16 | 39.58 |
| **JUMLAH** | **123,311.51** | **113,945.02** | **9,366.49** | **8.22** |

*Cukai Lain termasuk Cukai Labuan dan Hasil Bukan Cukai

Sumber Maklumat: Jabatan Pungutan Hasil

## PEMBAYAR CUKAI BERDAFTAR:

| FAIL | 2016 | | | | 2017 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | FA | NR | FM | JUMLAH | FA | NR | FM | JUMLAH |
| C | 747,187 | 224,164 | 116,171 | 1,087,522 | 780,990 | 242,711 | 125,897 | 1,149,598 |
| CS | 2,595 | 165 | 725 | 3,485 | 2,643 | 156 | 735 | 3,534 |
| LE | 4,971 | 2,291 | 203 | 7,465 | 5,398 | 2,239 | 793 | 8,430 |
| TA | 2,853 | 8,893 | 570 | 12,316 | 3,045 | 8,925 | 580 | 12,550 |
| TC | 453 | 346 | 103 | 902 | 443 | 341 | 107 | 891 |
| TR | 6 | 2 | 2 | 10 | 7 | 2 | 2 | 11 |
| PT | 2,416 | 15 | 40 | 2,471 | 3,867 | 26 | 40 | 3,933 |
| TN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| OG | 1,696,774 | 148,770 | 1,643,320 | 3,488,864 | 1,759,511 | 149,163 | 1,665,545 | 3,574,219 |
| SG | 5,222,057 | 762,353 | 2,776,173 | 8,760,583 | 5,536,265 | 746,127 | 2,815,033 | 9,097,425 |

Sumber Maklumat: Jabatan Operasi Cukai



# TERAS STRATEGIK





# TERAS STRATEGIK 1

## PENYUMBANG UTAMA KEMAKMURAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

**LHDNM Penyumbang Utama Kemakmuran Negara dan Kesejahteraan Rakyat**
LHDNM adalah penyumbang utama hasil kerajaan bagi menjana pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat. Sejak 2011, hasil kutipan LHDNM adalah melebihi 55% daripada keseluruhan hasil negara. kedudukan kewangan Negara yang kukuh menjamin keupayaan kerajaan mengurus keperluan rakyat dengan baik.

Taraf sosioekonomi rakyat yang meliputi kos sara hidup,peluang pekerjaan, kemudahan pendidikan, jaminan keselamatan dan perkhidmatan kesihatan dapat ditingkatkan. Di samping itu, kemudahan infrastruktur yang lebih berkualiti juga dapat disediakan. Justeru itu, kekayaan dan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

LHDNM komited untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Kesinambungan kutipan hasil yang memberangsangkan perlu dikekalkan melalui pelaksanaan objektif strategik yang telah dirancang iaitu meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, mengurangkan ketirisan cukai, memantapkan pengurusan hutang cukai dan membesarkan asas cukai.

Pematuhan cukai secara sukarela dimaksimumkan dengan program pematuhan yang seimbang dan fokus



berasaskan risiko, ketelusan dan sikap pematuhan pembayar cukai. LHDNM mempelbagaikan usaha memudahkan urusan percukaian serta mengurangkan kos pematuhan bagi pembayar cukai yang sentiasa bersedia untuk mematuhi tanggungjawab percukaian mereka.

Dalam usaha menjamin pelaksanaan cukai yang adil kepada semua, tindakan penguatkuasaan yang tegas dikenakan ke atas pembayar cukai yang enggan mematuhi undang-undang percukaian. LHDNM merancang dan menyasarkan aktiviti pematuhan menggunakan pendekatan pengurusan risiko yang mengambil kira punca dan akibat ketidakpatuhan cukai.

Pengurusan hutang cukai diperkemaskan dengan memberi tumpuan kepada pencegahan hutang, mengenalpasti punca yang boleh menyebabkan keberhutangan dan melaksanakan kaedah kutipan hutang yang cekap dan berkesan.

Strategi memperluaskan asas cukai adalah penting demi memastikan kelangsungan kutipan hasil yang mampan. Oleh itu, LHDNM mengambil langkah meningkatkan kesedaran cukai melalui pemerkasaan aktiviti pendidikan cukai serta memantapkan perkongsian maklumat melalui jaringan kerjasama dengan agensi lain.

LHDNM berusaha gigih bagi mengurangkan ketirisan cukai dalam usaha menyalurkan hasil yang cukup kepada kerajaan supaya dapat diberikan kembali kepada rakyat.
Platform dalam usaha mengurangkan ketirisan cukai ini dilakukan dengan pengumpulan data melalui Borang MNE, dimana Borang Syarikat Multinasional (MNE) dijadikan sebagai sebahagian Borang C. Melalui borang ini, proses pengumpulan data dan maklumat syarikat MNE serta maklumat pembayar cukai Malaysia di luar negara dimantapkan.
Borang MNE Pin 1/2017 (pdf) telah dimuat naik ke dalam laman web rasmi LHDNM pada 17 Ogos 2017. Terdapat maklumat data baharu yang dimasukkan selaras dengan pindaan percukaian antarabangsa bagi keperluan tambahan data dalam menghasilkan analisis risiko kes harga pindahan yang lebih berkualiti.

Selain Borang MNE, LHDNM telah menyediakan sistem untuk menggunakan maklumat pembayar cukai yang mempunyai *offshore account* melalui pembangunan sistem untuk pelaporan *Common Reporting Standard* (CRS) dan *Foreign Account Tax Compliance Act* (FATCA).




Dalam usaha mengurangkan ketirisan cukai juga, LHDNM sentiasa menyemak dasar percukaian yang ada. Model Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) Malaysia dikemaskini selaras dengan perkembangan percukaian antarabangsa dan telah diluluskan di peringkat jabatan dan dikemukakan kepada pihak pengurusan pada 30 November 2017. Kajian bagi menyeragamkan peruntukan di PPPDK dengan Akta ACP 1967. Pindaan kepada ACP 1967 telah dilakukan ke atas beberapa perkara dalam Pindaan Akta bagi Bajet 2017 yang berkuatkuasa secara amnya mulai Januari 2017. LHDNM telah memaklumkan kepada negara pejanji melalui Kementerian Kewangan berhubung pindaan tersebut. PPPDK yang baharu dirundingkan dalam tahun 2017 telah menggunapakai peruntukan yang baharu dalam cadangan PPPDK kepada negara pejanji berkenaan.

Semakan semula peruntukan tertentu *Labuan Business Activity Tax Act 1990* (LBATA) dan ACP 1967 dimana kajian kesan pengecualian cukai syarikat di bawah *Labuan Financial Services Authority* (LFSA) dijalankan. Jawatankuasa Kajian Semula Regim Labuan *International Business Financial Centre* (IBFC) ditubuhkan pada tahun 2014. Ia bertujuan untuk mengkaji semula dasar percukaian regim Labuan IBFC, mematuhi sepenuhnya piawaian percukaian antarabangsa semasa serta mengambil kira isu-isu semasa termasuklah *Base Erosion And Profit Shifting* (BEPS). Kertas cadangan asal LHDNM selaku Jawatankuasa Kerja telah dikemukakan pada Disember 2014.
Pada tahun 2017, Kajian Semula berada di peringkat Jawatankuasa Teknikal di bawah seliaan Kementerian Kewangan. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama pihak yang berkenaan. Cadangan pindaan *Labuan Business Activity Tax Act 1990* masih dalam proses semakan semua pihak yang terlibat dan dijangka selesai pada tahun 2018.

LHDNM juga telah mengimplementasikan FATCA. Sistem ezFATCA telah disiapkan dan telah dilancarkan pada bulan Mei 2017 dan telah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh *Inland Revenue Service* (IRS), Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, pertukaran maklumat di bawah FATCA masih belum dapat dilaksanakan memandangkan Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) belum dimeterai.

**Meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela**

LHDNM menggerakkan pelbagai cara bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela di kalangan orang awam. Pelbagai taklimat percukaian disampaikan kepada pembayar cukai, bakal pembayar cukai dan orang awam. Disamping itu, juga pendidikan dalaman juga diberi penekanan.

**Strategi Semasa**






Antara pendekatan program pendidikan dan kesedaran cukai adalah melalui:

- Program pendidikan bersama badan profesional / Dewan Perniagaan
- Kelas bimbingan kepada usahawan dan majikan
- Kerjasama pintar dengan agensi kerajaan / NGO / Persatuan
- Memvariasikan bahan pendidikan cukai
- Kerjasama pintar bersama-sama Institut Pengajian Tinggi
- Rakan Kongsi kepada Kidzania Kuala Lumpur
- Progam kesedaran cukai bersama-sama badan profesional – *Young Tax of The Year*

**Program Pendidikan Cukai**

| Tahun | Peserta Hadir Taklimat | Peserta Hadir Taklimat Kolaborasi | Bilangan Agensi Kolaborasi | Program Bakal Pembayar Cukai | Kidzania | Bahan Pendidikan Cukai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2015 | 110,556 | 12,685 | 8 | 15,704 | 15,364 | 52,679 |
| 2016 | 113,658 | 19,550 | 21 | 12,619 | 11,586 | 42,855 |
| 2017 | 190,707 | 23,870 | 20 | 15,551 | 14,937 | 78,042 |

**Program Kesedaran Cukai**

| Tahun | Pengungjung Kaunter HCG & UTC | Program TV & Radio | Wawancara | Klinik Cukai | Artikel | Jumlah Kaunter UTC | Pembukaan Kaunter Luar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2017 | 3,571,989 | 21 | 8 | 13 | 11 | 10 | 1,389 |











**Pembesaran asas cukai**
Pendaftaran pembayar cukai baharu melalui
- Mekanisme profiling janaan secara automatik oleh CMS Pengesanan. Sistem ini membolehkan maklumat SMUP, VIS dan STAMPS diproses bagi tujuan pendaftaran pembayar cukai baharu dan tindakan susulan audit.
- Lawatan Banci Bisnes.
- Maklumat yang diperolehi dari media cetak dan elektronik.

**Memantapkan pengurusan hutang cukai**
(i) Semakan semula dan pemantapan kepada strategi pengurusan hutang telah dibuat ke atas:
  - penguatkuasaan sekatan perjalanan di bawah Seksyen 104 ACP 1967
  - kuasa melulus ansuran audit, siasatan dan pungutan
  - prosedur penyediaan subfail ke guaman sivil

Sistem yang digunakan bagi tujuan pemantauan hutang adalah *Revenue Management System* (ReMS) dan *next best action* adalah *Debt Management Analytic System* (DMAS).

Jawatankuasa yang terlibat adalah bagi pemantauan tunggakan hasil adalah :
- Jawatan Kuasa Induk Task Force amaun tertinggi di Ibu Pejabat
- Jawatankuasa Induk Tunggakan Hasil Ibu Pejabat
- Jawatankuasa Tunggakan Hasil Cawangan

(ii) Penubuhan Cawangan Guaman Kuala Lumpur pada 1 Mei 2017
Keputusan untuk memusatkan tindakan sivil dan pendakwaan dari 9 cawangan adalah usaha berterusan LHDNM bagi meningkatkan kecekapan dan memantapkan proses kerja pungutan serta sivil dan pendakwaan.



LHDNM mahu rakyat terus yakin dengan sistem percukaian negara. Sistem percukaian yang diyakini haruslah mempunyai perundangan yang adil dan mudah difahami. Sistem ini perlu disokong oleh pelaksanaan yang telus dan saksama serta pengurusan maklumat yang berintegriti. Objektif strategik LHDNM adalah memastikan kesaksamaan dan keadilan sistem percukaian, meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan, memastikan keselamatan aset dan maklumat percukaian serta memelihara reputasi dan imej korporat.

LHDNM menjalankan kajian berterusan secara proaktif bagi memastikan undang-undang percukaian Malaysia sentiasa terkini dan menyeluruh. Akta-akta yang berkaitan cukai sentiasa ditambah baik selari dengan perkembangan isu percukaian semasa dan mengambil kira dasar yang ditetapkan kerajaan.

Panduan percukaian dikeluarkan bagi memudahkan pembayar cukai memahami hak-hak mereka seterusnya mengurangkan kadar kesilapan dan meningkatkan pematuhan. Ini dapat membantu pembayar cukai merancang serta mengurus cukai mereka dengan lebih teratur sekaligus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kesungguhan LHDNM dalam memudahkan pengurusan cukai mereka.

Amalan terbaik pentadbir cukai lain sentiasa dirujuk untuk memastikan sistem percukaian Malaysia berada di tahap yang setanding dengan pentadbir cukai antarabangsa. Strategi ini perlu bagi memastikan amalan percukaian yang konsisten dalam usaha LHDNM untuk berlaku adil kepada pembayar cukai tertakluk kepada bidang kuasa cukai yang berbeza di dalam suatu masa.



# TERAS STRATEGIK 2

## PENTADBIR SISTEM PERCUKAIAN YANG DIYAKINI RAKYAT

Untuk tujuan ini, LHDNM mengambil bahagian dalam kerjasama, perkongsian pintar dan perjanjian dengan pentadbir cukai negara-negara lain bagi menangani cabaran berhubung dengan halangan kepada ketelusan maklumat.

LHDNM komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, menepati kehendak semasa dan telus. Sistem teknologi maklumat dimanfaatkan secara meluas dan inovatif sebagai pemangkin dalam penyampaian perkhidmatan. LHDNM menyasarkan peningkatan perkhidmatan atas talian menjelang 2020 selaras dengan penggunaan internet sebagai saluran penyampaian perkhidmatan utama.

Penambahan rangkaian perkhidmatan layan diri yang menyeluruh dan automatik dapat menjimatkan masa berurusan pembayar cukai dengan LHDNM seterusnya mengurangkan kos pematuhan. Keselamatan sistem maklumat dan fasiliti adalah kritikal dalam memastikan kerahsiaan maklumat pembayar cukai. LHDNM mengambil langkah keselamatan sewajarnya untuk melindungi sistem maklumat dan fasiliti daripada sebarang ancaman pencerobohan dan kebocoran maklumat.

LHDNM turut menekankan nilai integriti yang tinggi ke atas semua Hasilian. Pelan Integriti LHDNM berteraskan nilai bijak, benar, amanah, telus, adil dan bersyukur bertujuan untuk memelihara reputasi dan imej korporat dan dapat menambah keyakinan pembayar cukai terhadap LHDNM.

LHDNM sentiasa mengambil tahu berkenaan perkembangan sistem cukai di peringkat antarabangsa bagi melindungi sumber hasil cukai negara dan juga bagi memastikan aktiviti pelarian cukai tidak berlaku. Sehubungan itu, tugas dan tanggungjawab LHDNM adalah mengemaskini Undang-Undang Percukaian dan Garis Panduan yang sedia ada selain turut memperkemaskan undang-undang dan garis panduan berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa. Antara garis peraturan dan undang-undang yang sentiasa dikemaskini adalah seperti berikut:

- ***Mutual Agreement Procedures* (MAP) *Guidelines***
  Garis Panduan MAP (MAP *Guidelines*) yang asal telah dimuatkan ke laman web rasmi LHDNM pada 28 Januari 2015. Garis Panduan MAP ini menerangkan prosedur atau tatacara untuk mendapatkan bantuan daripada Pihak Berkuasa Kompeten Malaysia dalam usaha untuk menyelesaikan isu berkaitan percukaian dengan Negara Rakan Pejanji. MAP *Guidelines* telah dikemaskini dan dimuatnaik di Portal Rasmi Hasil pada Disember 2017.

- ***Transfer Pricing* (TP) *Rules and Guidelines***
  Pindaan ke atas empat bab di bawah Garis Panduan Pindahan Harga 2012 seperti senarai dibawah telah dibuat dengan tarikh berkuatkuasa mulai 15 Julai 2017.

  (1) *Chapter II - The Arm's Length Principles*
  (2) *Chapter VIII - Intangibles*
  (3) *Chapter X - Commodity Transactions*
  (4) *Chapter XI - Documentations*

  Pindaan yang dibuat adalah selari dengan perubahan dan pengemaskinian garis panduan pindahan harga yang dibincangkan pada peringkat global seperti yang dinyatakan di dalam laporan di bawah OECD/G20 BEPS *Action* 8-10 dan *Practical Manual on Transfer Pricing* oleh United Nation.

- ***Thin Capitalisation (Income Tax) Rules***
  Pemansuhan *Thin Capitalisation Rules* (TCR) dan pendekatan baharu di bawah *Earning Stripping Rules* (ESR).

  Susulan daripada perubahan pendekatan dan sasaran transaksi yang melibatkan elemen belanja faedah di dalam isu ketirisan cukai yang berlaku secara global, OECD/G20 *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) *Project* telah mengeluarkan satu laporan yang komprehensif berkenaan isu tuntutan faedah ini di dalam BEPS Action 4: 2015 *Final Report – Limiting Base Erosion Involving Interest Deductions and Other Financial Payments (BEPS Action 4: 2015 Final Report)*.

  Laporan ini telah memberikan satu garis panduan bagaimana *Earning Stripping Rules* (ESR) dapat dilaksanakan bagi membendung isu ketirisan cukai melalui tuntutan belanja faedah yang berlebihan. Melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 yang lepas, YB. Perdana Menteri telah mengumumkan perlaksanaan ESR yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019 untuk menggantikan TCR. Oleh itu, peruntukan TCR dibawah Seksyen 140A (4), ACP 1967 telah dimansuhkan.

- ***Country-by-Country Reporting* (CbCR) *Rules and Guidelines***
  *Country-by-Country Reporting* (CbCR) telah dibangunkan oleh OECD di bawah BEPS *Action Plan No 13*. Ia menyediakan *template* untuk kumpulan perbadanan multinasional (MNE) melaporkan maklumat tertentu yang telah ditetapkan pada setiap tahun dan bagi setiap negara di mana mereka menjalankan perniagaan. Ianya melibatkan transaksi rentas sempadan dengan entiti konstituen yang lain. Peraturan ini terpakai kepada entiti yang mempunyai jumlah hasil kumpulan disatukan dalam tahun kewangan sebelum tahun kewangan pelaporan sekurang-kurangnya RM3 bilion.

Bagi tujuan itu, CbCR *Rules* 2016 dan pindaan 2017 serta CbCR *Regulation* (Labuan) 2017 telah diwartakan pada Disember 2017. Manakala CbCR *Guidelines* akan dikeluarkan dalam 2018.

- ***Common Reporting Standards* (CRS) *Rules and Guidelines***
  Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) (Pindaan) 2017 telah diwartakan pada 22 Disember 2017.

  Peraturan-peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2018 telah disiapkan untuk diwartakan pada awal tahun 2018. Draf *CRS Guidance Notes* telah siap disediakan pada 30 Jun 2017 untuk kegunaan Institusi Kewangan. Senarai *Reportable Jurisdiction* juga telah disediakan untuk diterbitkan pada 15 Januari 2018. Senarai *Participating Jurisdiction* turut disediakan untuk diterbitkan pada 2 Januari 2018 nanti.

- **Kajian *Digital Economy***
  Selain perkara-perkara di atas tersebut, kajian mengenai *Digital Economy* turut dijalankan. LHDNM telah menghantar penyertaan dalam mesyuarat *Task Force Digital Economy*, *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD). Pembentangan oleh Kementerian Kewangan/ LHDNM telah dibuat kepada *National eCommerce Council* (NeCC) dan *Economic Council* (EC) berkaitan isu dan cabaran percukaian *digital economy* serta cadangan penyelesaian.

  LHDNM telah mengadakan perbincangan bersama Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai cadangan *Tax Collection Mechanism by Financial Institutions/Payment Gateway [Merchant Registration Model & Split Payment Model]*. Seterusnya satu pembentangan telah diberikan oleh BNM kepada Kementerian Kewangan. Bagi meneruskan kajian ini, LHDNM telah mengemukakan Kertas Kajian Lanjutan kepada Kementerian Kewangan - *Taxation of Digital Economy in Malaysia* dan menyertai kajian percukaian ekonomi digital yang dijalankan oleh *World Bank Group* (WBG) yang dilantik oleh Kementerian Kewangan.

**Memelihara reputasi dan imej korporat**
Dalam usaha memelihara reputasi dan imej korporat, LHDNM telah mengekalkan penglibatan sedia ada dan meningkatkan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan domestik. LHDNM telah menghantar pegawai-pegawai ke mesyuarat serta persidangan di luar negara di sepanjang tahun 2017 bagi meningkatkan kemahiran pegawai dalam bidang pengkhususan masing-masing.

| Mesyuarat/Persidangan Antarabangsa |
|---|
| *3rd Meeting of JITSIC Panama Papers Project*, Paris |
| *11th AEOI Working Group Meeting*, Paris |
| *14th Session of the Committee of Expert On International Cooperation In Tax Matters Meeting*, New York, Amerika Syarikat |
| *Meeting on Hybrids Implementation & Working Party No. 11 On Aggressive Tax Planning*, Paris |
| *Peer Review Group Meeting & Global Forum Competent Authority Conference*, Panama City, Panama |
| Mesyuarat *Working Party No. 6 on The Taxation of Multinational Enterprises*, Paris |

| Mesyuarat/Persidangan Antarabangsa |
|---|
| *3rd Meeting of The Inclusive Framework on BEPS*, Noordwijk, The Netherlands |
| *20th Annual Meeting Of Asia Pacific Group (APG) On Money Laundering*, Colombo, Sri Lanka |
| Persidangan *8th Annual Asean Tax Conference 2017 On "Asean Tax Reform: The Tax Challenges of Digital Economy*", Pattaya, Thailand |
| *Eleventh Meeting Of The OECD Forum on Tax Administration* (FTA), Oslo, Norway |
| *10th Meeting Of The Global Forum on Transparency and Exchange of Information For Tax Purposes*, Yaounde, Rwanda |
| Persidangan *Gartner Identity & Access Management Summit* (GIAMS2017), Las Vegas, Nevada, Amerika Syarikat |
| *14th Association of Tax Authorities of Islamic Countries* (ATAIC) *Technical Conference*, Tehran |

Selain daripada menghadiri mesyuarat dan persidangan antarabangsa tersebut, pihak Sekretariat Tetap ATAIC (*Permanent Secretariat*) yang beribu pejabat di Khartoum, Sudan telah membuat permohonan yang mana Malaysia, selaku tuan rumah kepada 13th ATAIC *Annual Technical Conference* dan juga selaku *Chairman* (Pengerusi) bagi penggal 2016–2017 ini untuk menganjurkan satu program bengkel bagi manfaat semua ahli ATAIC. Oleh itu, LHDNM telah menganjurkan Bengkel *Workshop on Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) pada 18 hingga 21 Julai 2017 di Akademi Percukaian Malaysia (APM), Bangi.

Objektif program tersebut adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta negara ahli ATAIC akan perkembangan terkini dan isu-isu berkaitan dengan BEPS. Fokus bengkel tersebut adalah bagi peserta wakil negara ahli yang skop tugasnya adalah berkait rapat dengan *International Taxation* dan *Transfer Pricing*. Kandungan bengkel juga akan merangkumi *BEPS Action Plans* dan juga perkongsian berkaitan BEPS dari perspektif Malaysia.

Keseluruhan program latihan mengambil masa selama empat (4) hari. Tempat penganjuran bengkel adalah di Pusat Latihan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi, APM dan peserta juga diberikan kemudahan penginapan di asrama APM. Penceramah yang bertindak selaku tenaga pengajar adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan di LHDNM iaitu Jabatan Percukaian Antarabangsa, Jabatan Dasar Percukaian dan juga Akademi Percukaian Malaysia.

Seramai 24 orang telah menghadiri bengkel tersebut. 9 dari Negara ATAIC iaitu Indonesia, Iran, Iraq, Maldives, Malaysia, Palestin, Tunisia, Arab Saudi dan Sudan, dan seorang wakil dari ATAIC *Permanent Secretariat*, Sudan. Dalam tempoh empat hari tersebut, isu-isu berkaitan BEPS yang telah diperbincangkan, kebanyakan perbincangan adalah berkisar di sekeliling Topik *15 Articles of G20/OECD BEPS Action Plan*. Topik-topik yang telah diperbincangkan dalam program tersebut:

- *Understanding Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS)
- *Action 1 – Challenges of the Digital Economy*
- *Action 4 – Limiting Base Erosion Involving Interest Deductions and Other Financial Payments*
- *Action 5 – Countering Harmful Tax Practices*
- *Action 6 – Preventing the Granting of Treaty Benefits in Inappropriate Circumstances*

- *Action 7 – Preventing the Artificial Avoidance of Permanent Establishment Status*
- *Action 13 – Transfer Pricing Documentation and Country by Country Reporting*
- *Action 8-10 – Aligning Transfer Pricing Outcomes with Value Creation*
- *Action 14 – Dispute Resolution Mechanisms*
- *Action 15 – Multilateral Instrument Exchange of Information (EOI)*

LHDNM sentiasa memperkukuhkan asas tadbir urus yang baik dalam memastikan reputasi dan imej korporat LHDNM terpelihara. Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko telah memantapkan sistem pengurusan kualiti bagi memperbaiki dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan operasi. Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko telah dilantik untuk menjalankan tugas sebagai Ketua Juruaudit MS ISO 9001:2008 bagi 4 skop yang ditetapkan iaitu:

- Proses Bayaran Balik Individu Penggajian Bagi Kes e-Filing/m-Filing.
- Prosedur Pelaksanaan Audit Luar Kes Syarikat (Fokus Audit)
- Proses Pelaksanaan Penerimaan, Penyediaan dan Pemfailan Writ Saman dan Penyataan Tuntutan (WSPT) bagi fail OG untuk Kes Cukai Pendapatan.
- Prosedur Pelaksanaan Pelepasan Sementara dan Pembatalan Sekatan Perjalanan Individu Selain Pengarah Syarikat

Semakan juga dilakukan ke atas Prosedur Pengurusan Dan Sokongan (PPS)

Program audit dalaman bagi MS ISO/ IEC 27001:2013 telah dijalankan bagi skop *Information Security Management System For Operation Of e-Filing System At Data Centre* LHDNM, Cyberjaya yang melibatkan Jabatan Teknologi Maklumat.

Lawatan Audit Dalaman bagi tahun 2017 telah dijalankan pada 23 hingga 27 Oktober 2017. Laporan audit telah diluluskan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) pada 30 November 2017 dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Bersama Wakil Pengurusan (MBWP) Bil. 1/2017 pada 15 Disember 2017.

Lawatan Audit Dalaman ke atas *Internal Audit Procedure* juga telah dijalankan pada 7 hingga 8 Disember 2017 dan laporan telah selesai dibuat pada 8 Disember 2017.






# TERAS STRATEGIK 3

## SISTEM DAN PROSEDUR KERJA YANG CEKAP DAN BERKESAN



LHDNM akan sentiasa menambahbaik piawaian perkhidmatan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan prestasi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Strategi LHDNM ialah membangunkan dan memantapkan sistem teknologi maklumat dan komunikasi, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos, menambah baik prosedur kerja dan membudayakan pengurusan risiko dalam proses kerja.

Kadar pematuhan dapat dipertingkatkan dengan adanya kemudahan capaian kepada maklumat yang cepat, tepat dan boleh diperolehi pada bila-bila masa. Pemantapan aplikasi sistem percukaian dibuat supaya ia boleh dicapai dari pelbagai lokasi dan peranti elektronik mudah alih.

Penggunaan alat analisis data dan penambahan automasi dibuat untuk menambah baik proses kerja sedia ada. Ini menyumbang kepada keberkesanan kos dalaman dengan pengagihan sumber yang strategik. Prosedur kerja diperkemas secara berterusan bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan mempercepatkan proses membuat keputusan. Inisiatif-inisiatif yang bertujuan mempertingkatkan keberkesanan fungsi sistem teknologi maklumat akan dilaksanakan di bawah teras ini.

LHDNM juga membudayakan pengurusan risiko dalam semua proses kerja bagi meminimakan ancaman yang boleh menjejaskan keupayaan mencapai matlamat. Profil risiko dibangunkan dan risiko dipantau dalam inisiatif-inisiatif perancangan strategik bagi membolehkannya diurus dengan cekap dan berkesan.




**LHDNM juga telah mentransformasikan pangkalan data sedia ada kepada platform gudang data. Sehubungan itu, Big Data dibangunkan dan dijenamakan sebagai Hasil Power Data**

Dalam era digital dan teknologi maklumat yang tinggi, LHDNM seharusnya sentiasa meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan memodenkan sistem aplikasi dan infrastruktur ICT. Pemantapan dan peningkatan kecekapan ICT dilakukan dengan cara *seamless* dan *real time*. Projek Peningkatan Rangkaian Internet Metro-E di LHDNM dilaksanakan bagi menaik taraf dan memperkasakan infrastruktur ICT ini. Dengan projek ini, peratusan peningkatan perkhidmatan rangkaian di LHDNM meliputi keseluruhan cawangan.

Selain daripada projek Peningkatan Rangkaian Internet Metro-E, beberapa projek lain turut dibangunkan dan dilaksanakan. Antaranya adalah Projek Pembesaran Skop *Application Performance Monitoring System* (APMS). APMS ini dilaksanakan bagi memantau sistem-sistem yang dibangunkan di LHDNM secara berpusat dan hasilnya sistem-sistem utama LHDNM berasaskan *server based* dapat dipantau dengan lebih rapi. Pelaksanaan projek Pemantauan Perkakasan ICT dan Sistem Rangkaian Secara Berpusat *(Centralized Monitoring System)* berjaya dibangunkan bagi memantau perjalanan perkakasan ICT dan Talian Rangkaian di LHDNM.

LHDNM juga telah mentransformasikan pangkalan data sedia ada kepada platform gudang data. Sehubungan itu, *Big Data* dibangunkan dan dijenamakan sebagai *Hasil Power Data*, dimana pembangunan perlombongan data *(data mining)* dan inisiatif IT yang lain bagi memantapkan penyelesaian gudang data.

LHDNM telah membangunkan dan memantapkan sistem teknologi maklumat dan komunikasi dengan memodenkan sistem aplikasi dan infrastruktur ICT. Jabatan Undang-Undang di LHDNM telah memperkenalkan sistem yang dapat mempercepatkan proses penyediaan dokumen bagi kes sivil dan jenayah di semua Unit Undang-Undang Cawangan.

Sistem-sistem yang diperkenalkan ialah:

- Projek MySaman (Sivil)
- Projek MySaman (Pendakwaan)

Selain itu, LHDNM sentiasa melakukan penambahbaikan terhadap prosedur kerja bagi memastikan setiap proses kerja berjalan dengan lancar. Sasaran LHDNM adalah mengharmonikan setiap prosedur kerja setara dengan target organisasi untuk menjadi pentadbir cukai terbaik.

Oleh itu, LHDNM telah menaik taraf *Project Management Office* (PMO) kepada *Enteprise Project Management Office* (EPMO).

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Tahun 2017 turut dilaksanakan ke seluruh LHDNM. SPAN bertujuan untuk:

- Mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program nilai murni dan program lain yang berkaitan serta membangunkan strategi meningkatkan amalan dan penghayatan nilai murni di LHDNM

- Mengukur tahap amalan nilai dan menambah baik pelaksanaan program nilai-nilai murni di LHDNM

Salah satu usaha LHDNM dalam menyediakan sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan ialah dengan membudayakan pengurusan risiko. Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko telah melaksanakan dan menyelenggarakan program pengurusan risiko yang mantap untuk LHDNM.

Proses penganalisisan daftar risiko 2017 bermula setelah pemilik risiko selesai mendaftar risiko di dalam sistem i-RIS.

- Proses pendaftaran risiko dalam sistem i-RIS bermula 1 Jun 2017 sehingga 30 Jun 2017

    - ➤ Pendaftaran risiko di i-RIS oleh pemilik risiko di Jabatan / PPN / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan Jun - Ogos 2017

    - ➤ Analisis risiko oleh JIPR Jun – Ogos 2017

    - ➤ Agihan risiko kepada pemilik proses oleh JIPR Jun – Ogos 2017

    - ➤ Pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MJKPR) September 2017

    - ➤ Penyediaan laporan Profil Risiko Korporat Tahunan kepada Pengurusan Atasan Oktober 2017

    - ➤ Membangunkan dan mengemaskini Profil Risiko di i-RIS mengikut maklum balas pihak Pengurusan Atasan dan mengemukakan kepada pemilik risiko untuk tindakan susulan pemulihan risiko. Oktober – Disember 2017

- Laporan Profil Risiko 2017 (i-RIS)

    - ➤ 955 bilangan risiko yang telah dianalisis adalah seperti berikut:

        - Bilangan risiko yang telah disalurkan kepada pemilik proses adalah sebanyak 684 risiko
        - Bilangan risiko yang telah diberi maklum balas oleh pemilik risiko adalah sebanyak 684 risiko
        - Bilangan daftar risiko yang telah selesai diproses adalah sebanyak 955 risiko

LHDNM berhasrat menjadi majikan pilihan kepada individu yang berkaliber tinggi dan mempunyai kepakaran yang relevan seiring dengan persekitaran percukaian yang semakin dinamik. Dalam usaha mencapai matlamat ini, LHDNM memberi tumpuan kepada empat objektif strategik iaitu melaksanakan organisasi yang optimum, menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, membangunkan sumber manusia yang kompeten dan profesional dan memperkukuhkan kepimpinan.

Tadbir urus sumber manusia diperkukuhkan melalui pelaksanaan organisasi yang mempunyai saiz perjawatan dan struktur yang optimum dengan meningkatkan tahap kecekapan di samping mengurangkan pembaziran sumber manusia.

Pengambilan tenaga kerja baharu diperkemaskan dengan penekanan kriteria pemilihan yang khusus untuk memastikan hanya calon yang terbaik diterima sebagai Hasilian. Setiap inisiatif yang dirangka menterjemahkan komitmen LHDNM untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif berlandaskan konsep *Feel Good At Work.*

LHDNM menawarkan imbuhan perkhidmatan serta laluan kerjaya yang kompetitif. Peluang kerjaya bersama LHDNM juga memberikan pengalaman dan kepakaran percukaian yang terbaik. Penekanan diberi untuk menggalakkan keseimbangan di antara kerja pejabat dan kehidupan peribadi. Budaya kerja yang sihat dan selamat diamalkan untuk menjamin keselesaan dan kesejahteraan Hasilian.



# TERAS STRATEGIK 4

## LHDNM SEBAGAI MAJIKAN PILIHAN

LHDNM memahami pentingnya Hasilian yang kompeten dan profesional dalam memberikan perkhidmatan percukaian yang berkualiti. Hasilian diberi peluang latihan di dalam dan luar negara untuk mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran mereka selaras dengan kemajuan semasa. Salah satu elemen organisasi yang berjaya adalah keupayaan untuk berubah mengikut keperluan persekitaran semasa. Untuk menjayakan sesuatu transformasi memerlukan kepimpinan yang mampu menerajui perubahan serta menetapkan matlamat yang jelas kepada semua Hasilian.

LHDNM akan terus melaksanakan program pembangunan bagi memperkukuhkan kepimpinan LHDNM. Ini dilakukan melalui pemantapan pengetahuan dan kemahiran pemimpin dan bakal pemimpin supaya mereka dapat memacu Hasilian ke arah pencapaian matlamat organisasi.



Dalam usaha LHDNM sebagai majikan pilihan, LHDNM menyediakan dan melaksanakan latihan untuk menyerlah dan meningkatkan potensi bakat pegawai di dalam organisasi. Perkongsian ilmu dan maklumat dilaksanakan dalam sesi taklimat kepada pegawai LHDNM mengenai pemahaman penggunaan dan aplikasi Perjanjian Pengelakkan Pencukaian Dua Kali dan percukaian antarabangsa. Taklimat ini diadakan sebagai mekanisme perkongsian ilmu bagi meningkatkan produktiviti pegawai LHDNM. Pada tahun 2017, pegawai LHDNM telah menjadi *resource person* bagi kursus-kursus berikut:

- *LHDNM - ATAIC Base Erosion and Profits Shifting* (BEPS) *Workshop* telah diadakan pada 18 hingga 21 Julai 2017 di Akademi Percukaian Malaysia (APM). Seramai 12 peserta telah menyertai kursus ini.

- *LHDNM – CATA Workshop on Taxation of International Transactions* (TOIT) telah diadakan pada 7 hingga 25 Ogos 2017 di Akademi Percukaian Malaysia. Seramai 28 peserta mengikuti kursus ini.

- *IRBM-MTCP-JICA Third Country Training Programme for Cambodia, Lao Pdr and Myanmar: Tax Administration* yang diadakan pada 18 hingga 29 September 2017 di Akademi Percukaian Malaysia. Seramai 15 orang peserta menyertai program ini.

- Kursus Cukai Pegangan telah diadakan pada 30 Oktober hingga 1 November di Akademi Percukaian Malaysia. Peserta kursus adalah terdiri daripada pegawai LHDNM. Tajuk ceramah yang disampaikan oleh JPCA dalam kursus ini ialah 'Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali' dan 'Establismen Tetap'.

- Taklimat anjuran Jabatan Percukaian Antarabangsa (JPCA) kepada pegawai dari cawangan sekitar Lembah Klang telah diadakan di Bilik Bendahara, Menara Hasil Cyberjaya pada 25 Oktober 2017. 2 tajuk telah disampaikan iaitu Perkhidmatan Persendirian dan Taraf Mastautin dan Sijil Taraf Mastautin.

LHDNM percaya bahawa bagi menjadi organisasi majikan pilihan, persekitaran kerja yang kondusif harus disediakan kepada pegawai. Sehubungan itu, LHDNM telah melestarikan dan mengimbangi persekitaran kerja yang terbaik bagi menaikkan produktiviti pegawai.

Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh LHDNM dalam usaha memperkukuhkan kepimpinan dan kepakaran pegawai-pegawai LHDNM. Program-program yang dianjurkan bertujuan meningkatkan kepakaran pegawai dalam ilmu-ilmu teknikal percukaian bagi memastikan pegawai mempunyai kepakaran yang mencukupi semasa menyelesaikan isu-isu percukaian dalam menjalankan tugas seharian.



Program Kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD)

| Bil | Nama Kursus - OECD |
|---|---|
| 1 | *Multilateral Convention to Implement Tax Treaty Related Measures to Prevent Base Erosion and Profit Shifting* |
| 2 | *Technology and Analytics For Better Tax Administration* |
| 3 | *BEPS and Transfer Pricing Guidelines* |
| 4 | *Introduction to the Application and Negotiation of Tax Treaties* |
| 5 | *Auditing MNEs For BEPS – A Case Study* |
| 6 | *Effective and Efficient Use Of Tax Incentives* |

Program Kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan *Commonwealth Association of Tax Administration* (CATA)

| Bil | Nama Kursus - CATA |
|---|---|
| 1 | *Workshop on Taxation of International Transactions* (TOIT) |

Program Kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan *International Bureau of Fiscal Documentation* (IBFD)

| Bil | Nama Kursus - IBFD |
|---|---|
| 1 | *Permanent Establishments* |
| 2 | *Taxation of Digital Economy* |

Program Kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan *Malaysian Technical Cooperation Program* (MTCP) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA)

| Bil | Nama Kursus - JICA |
|---|---|
| 1 | *Tax Administration (International Taxation)* |

Program Kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan *Asscociation of Tax Authorities of Islamic Countries* (ATAIC)

| Bil | Nama Kursus - ATAIC |
|---|---|
| 1 | *Workshop on Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) |




ROADMAP
LHDN MALAYSIA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENUJU WAWASAN
2020
Pentadbir Cukai Terunggul Yang Menyumba
Kepada Pembangunan Negara
2013
LEADING AND MANAGING CHANGE
2011
2012
MANAGING TA
FOR SUSTAIN
MELAKAR TRANSFORMASI
MENEROKAI LAUTA
- ZON KUTIPA


TRANSFORMASI
NASIONAL
2050
We Can Do It!
2017
2018
2019
ng
2016
2014
2015
OX ECOSYSTEM
ABLE GROWTH
BREAKING BARRIERS
HITTING NEW HIGHS
SYNERGY BEYOND BOUNDARIES
N BIRU
AN 3 DIGIT -
LHDNMedia



# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

## JANUARI

CEO LHDNM dipilih mewakili Malaysia sebagai Presiden *Commonwealth Association of Tax Administrators* (CATA) bagi tempoh 2016 - 2018

## FEBRUARI

LHDNM dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Khas 'Kecemerlangan Penyampaian Perkhidmatan' sempena majlis PNB-ASNB Starz Awards Nite 2017.

## JUN

Hasil Toastmasters Club telah ditauliahkan dengan status *Distinguished Club* oleh *Toastmasters International*.

## JULAI

LHDNM memenangi tempat pertama daripada keseluruhan 61 kontingen yang mengambil bahagian dalam pertandingan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) anjuran Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM).

## SEPTEMBER

LHDNM menerima Pingat Emas sempena I*nvention, Innovation and Design Exposition 2017* (iidex 2017) bagi kolaborasi kajian bersama UiTM *(Accounting Research Institute)* yang bertajuk *The RMIIA Rings of Governance (Risk Management, Integrity, Internal Audit - RMIIA).*

## OKTOBER

Hasilian mendapat tempat kedua dalam latihan *SPLUNK Boss of the SOCS* (BOTS) 2017.

## NOVEMBER

Hasilian menerima *Anugerah Human Governance,* sempena Majlis Konvokesyen Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (UPM-IPTS) ke-19, di Universiti Putra Malaysia.

Hasilian mendapat tempat pertama dalam pertandingan mencipta logo baharu Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK).

LHDNM mendapat tempat kedua dalam pertandingan Pesta Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) yang ke-43 2017, anjuran Bank Simpanan Nasional (BSN).

## DISEMBER

LHDNM muncul juara dalam Kejohanan Bola Sepak MAKSWIP Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) 2017.

LHDNM mendominasi tempat pertama, kedua dan ketiga dalam acara *Treasure Hunt* Kementerian Kewangan 2017 "*Treasure Hunt* Kewangan – Jom Cari Jangan Tak Cari" anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Angota Kementerian Kewangan (MKSAKK).

Sumber: Bahagian Pengurusan
Kualiti dan Inovasi, JKK






# MAKLUMAT BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M)


BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA
(BR1M 2017)
RM450.00
MALAYSIA

# MAKLUMAT BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M)

LHDNM telah dilantik oleh kerajaan sebagai agensi pelaksana dalam memproses dan membuat verifikasi pemohonan BR1M bermula semenjak tahun 2011 dan diteruskan sehingga kini. Tujuan utama BR1M adalah untuk menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemah perbelanjaan inklusif dan mensejahtera kehidupan rakyat secara menyeluruh. Pelaksanaan BR1M 2017 pada kali ini melibatkan peruntukan sebanyak 6.8 bilion yang disasar kepada 7 juta penerima (Isi rumah dan individu bujang)

Pemohon Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kini boleh memuat turun Aplikasi Mobile Semakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) menerusi *Play Store* untuk platform Android atau *App Store* untuk platform iOS. Melalui aplikasi ini, setiap pemohon BR1M boleh menyemak status penghantaran borang, permohonan BR1M, status bayaran dan status rayuan BR1M sekaligus memudahkan urusan pemohon untuk melakukan semakan tanpa perlu menghubungi talian BR1M atau beratur panjang di kaunter-kaunter perkhidmatan BR1M di seluruh negara.

Agihan bayaran BR1M adalah melalui baucer tunai atau kredit akaun. 3 kali bayaran akan dimansuhkan iaitu Fasa 1 pada 18 Februari 2017, Fasa 2 pada 5 Jun 2017 dan Fasa 3 pada 16 Ogos 2017.

## STATISTIK PERMOHONAN BR1M MENGIKUT NEGERI

| NEGERI | JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA | BR1M 2017 MENGIKUT KATEGORI | | |
|---|---|---|---|---|
| | | RM 1,200 | RM 900 | RM 450 |
| MALAYSIA | 7,216,742 | 3,843,467 | 392,319 | 2,980,956 |
| JOHOR | 878,125 | 460,442 | 53,658 | 364,025 |
| KEDAH | 613,338 | 348,600 | 30,172 | 234,566 |
| KELANTAN | 526,044 | 285,786 | 17,652 | 222.606 |
| MELAKA | 223,448 | 118,816 | 15,647 | 88,985 |
| NEGERI SEMBILAN | 284,657 | 153,055 | 19,942 | 111,660 |
| PAHANG | 408,644 | 221,073 | 21,597 | 165,974 |
| PERAK | 715,407 | 398,513 | 34,350 | 282,544 |
| PERLIS | 76,981 | 46,209 | 3,328 | 27,444 |
| PULAU PINANG | 391,797 | 214,983 | 25,861 | 150,953 |
| SABAH | 663,359 | 341,765 | 21,058 | 300,536 |
| SARAWAK | 743,587 | 417,792 | 28,320 | 297,475 |
| SELANGOR | 989,068 | 484,237 | 78,544 | 426,287 |
| TERENGGANU | 347,825 | 181,960 | 14,761 | 151,104 |
| W.P.KUALA LUMPUR | 327,912 | 158,588 | 24,657 | 144,667 |
| W.P.LABUAN | 18,527 | 9,166 | 1,301 | 8,060 |
| W.P.PUTRAJAYA | 8,023 | 2,482 | 1,471 | 4,070 |

JUMLAH PERMOHONAN
**8,262,538**

STATUS PERMOHONAN (LULUS)
**7,216,742**

STATUS PERMOHONAN (TIDAK LULUS)
**1,045,796**

## STATISTIK PERMOHONAN RAYUAN BR1M MENGIKUT NEGERI

| NEGERI | KESELURUHAN PERMOHONAN RAYUAN | LULUS RAYUAN | | | | RAYUAN DITOLAK | MENUNGGU KELULUSAN RAYUAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | KESELURUHAN LULUS RAYUAN | RM 1200 | RM900 | RM 450 | | |
| JOHOR | 29,607 | 27,593 | 19,870 | 3,747 | 3,976 | 2,014 | 0 |
| KEDAH | 20,324 | 18,990 | 11,419 | 2,086 | 5,485 | 1,334 | 0 |
| KELANTAN | 19,133 | 17,710 | 12,452 | 1,009 | 4,249 | 1,423 | 0 |
| MELAKA | 9,001 | 8,011 | 4,697 | 1,208 | 2,106 | 990 | 0 |
| NEGERI SEMBILAN | 10,960 | 10,425 | 6,712 | 1,332 | 2,381 | 535 | 0 |
| PAHANG | 12,067 | 11,407 | 7,789 | 1,365 | 2,253 | 660 | 0 |
| PERAK | 24,618 | 22,696 | 14,707 | 2,397 | 5,592 | 1,922 | 0 |
| PERLIS | 3,025 | 2,887 | 1,789 | 159 | 939 | 138 | 0 |
| PULAU PINANG | 16,400 | 14,974 | 8,885 | 2,847 | 3,242 | 1,426 | 0 |
| SABAH | 30,611 | 29,238 | 23,840 | 1,387 | 4,011 | 1,373 | 0 |
| SARAWAK | 27,058 | 24,692 | 18,318 | 1,860 | 4,514 | 2,366 | 0 |
| SELANGOR | 41,539 | 37,999 | 24,635 | 6,620 | 6,744 | 3,540 | 0 |
| TERENGGANU | 10,060 | 9,129 | 5,656 | 915 | 2,558 | 921 | 0 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 13,335 | 12,084 | 7,721 | 1,736 | 2,558 | 1,251 | 0 |
| W.P. LABUAN | 1,086 | 1,009 | 669 | 123 | 2,558 | 77 | 0 |
| W.P. PUTRAJAYA | 352 | 292 | 145 | 76 | 71 | 60 | 0 |
| **JUMLAH** | **269,176** | **246,136** | **169,304** | **28,867** | **50,965** | **20,040** | **0** |



## KAEDAH SEMAKAN STATUS BR1M

**KAEDAH SEMAKAN STATUS BR1M**

- Surat Makluman
- Talian BR1M 1-800-88-2716
- Hadir ke LHDNM
- Secara dalam talian – Portal Rasmi eBR1M
- Aplikasi Semakan Mobile BR1M

## KATEGORI PENERIMA

| KATEGORI PENERIMA | PENDAPATAN ISI RUMAH (RM) | JUMLAH BANTUAN (RM) |
|---|---|---|
| Isi Rumah | ≤ 3,000 | 1200 |
| | ≤ 4,000 | 900 |
| Bujang | ≤ 2,000 | 450 |

Sumber: Bahagian BR1M, Jabatan Operasi Cukai

# DIREKTORI LHDNM



# DIREKTORI LHDNM

Cawangan Kangar

Cawangan Alor Setar
Cawangan Sungai Petani
PKH Kulim
PKH Langkawi
PKH Kubang Pasu
PKH Yan
PKH Baling
UTC Kedah

Cawangan Kota Bharu
PKH Tanah Merah
PKH Kuala Krai
PKH Gua Musang
PKH Pasir Puteh
PKH Pasir Mas
PKH Tanah Merah
UTC Kelantan

Cawangan Pulau Pinang
Cawangan Bukit Mertajam
PKH Seberang Perai



Cawangan Kuala Terengganu
PKH Kemaman
PKH Dungun
PKH Besut
PKH Hulu Terengganu

Cawangan Ipoh
Cawangan Teluk Intan
Cawangan Taiping
PKH Manjung
PKH Kuala Kangsar
PKH Parit Buntar
UTC Perak

Cawangan Kuantan
Cawangan Raub
Cawangan Temerloh
PKH Bentong
PKH Jerantut
UTC Pahang

Ibu Pejabat LHDNM Cyberjaya
APM
PPM
HCL
Cawangan Shah Alam
Cawangan Klang
Cawangan Petaling Jaya
Cawangan Cukai Multinasional
PKH Hulu Langat
PKH Kuala Langat
PKH Kuala Selangor
PKH Sabak Bernam
PKH Cyberjaya
PKH Rawang

Cawangan Kuala Lumpur Bandar
Cawangan Cheras
Cawangan Wangsa Maju
Cawangan Duta
Cawangan Industri Khas
CPCB
Pusat Bayaran Kuala Lumpur
Cawangan Tidak Bermastautin
UTC Kuala Lumpur

Cawangan Seremban
PKH Tampin
PKH Kuala Pilah
PKH Port Dickson
PKH Jempol
PKH Nilai
UTC Negeri Sembilan

Cawangan Melaka
PKH Alor Gajah
PKH Jasin
UTC Melaka

Cawangan Johor Bahru
Cawangan Kluang
Cawangan Muar
PKH Batu Pahat
PKH Segamat
PKH Mersing
PKH Kota Tinggi
PKH Pontian
UTC Johor




**PETUNJUK**

APM : Akademi Percukaian Malaysia
PPM : Pusat Pemprosesan Maklumat
PKH : Pusat Khidmat Hasil
UTC : Urban Transformation Center
HCL : HASiL Care Line
HRCC : HASiL Recovery Call Center
CPCB : Cawangan Pembayar Cukai Besar





# PENYATA KEWANGAN

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
## MENGENAI PENYATA KEWANGAN
## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 7 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.* Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

***Emphasis of Matter***

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap Nota 7 kepada Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Kumpulan, LHDNM telah memberi Pembiayaan Tanpa Faedah berjumlah RM100 juta kepada Yayasan LHDNM iaitu subsidiari yang ditubuhkan pada bulan Oktober 2017. Pembiayaan tersebut telah diberi dengan syarat bayaran balik oleh Yayasan LHDNM mulai tahun 2037 selepas tempoh 20 tahun daripada pembiayaan diberi. Bagaimanapun, pembiayaan yang diberi oleh LHDNM kepada Yayasan LHDNM tidak dimeterai dengan perjanjian antara kedua pihak.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga (Lembaga Pengarah) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga (Lembaga Pengarah) Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga (Lembaga Pengarah) bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533). Lembaga (Lembaga Pengarah) juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, Lembaga (Lembaga Pengarah) bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan

sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga (Lembaga Pengarah).

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga (Lembaga Pengarah) dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga (Lembaga Pengarah), antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

a. Laporan ini dibuat untuk Lembaga (Lembaga Pengarah) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(DATO' CHE ISA BIN CHE KOB)**
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 OGOS 2018

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA**
**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Kami, **DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR** dan **DATUK SAAT BIN ESA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

**DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR**
PENGERUSI LEMBAGA
16 Ogos 2018

SELANGOR

**DATUK SAAT BIN ESA**
ANGGOTA LEMBAGA
16 Ogos 2018

SELANGOR

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas, )
di Selangor )
Pada 15 Ogos 2018 )

**MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL**

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
W 564
SHUHAIDA BINTI ABDULLAH
KUALA LUMPUR

PESURUHJAYA SUMPAH

SHUHAIDA BINTI ABDULLAH
PESURUHJAYA SUMPAH
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
KUALA LUMPUR

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2017

| | | KUMPULAN | LHDNM | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2017 | 2016 |
| | Nota | RM | RM | RM |
| ASET | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 3 | 1,678,374,710 | 1,678,374,710 | 1,585,347,073 |
| Aset Tidak Ketara | 4 | 3,436,391 | 3,436,391 | 5,281,928 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 5 | 58,638,219 | 58,638,219 | 13,273,912 |
| Pelaburan Anak Syarikat | 6 | - | 1,000,000 | - |
| Pembiayaan Anak Syarikat | 7 | - | 26,084,602 | - |
| Pembiayaan Pekerja | 8 | 1,310,227 | 1,310,227 | 1,462,234 |
| **JUMLAH ASET BUKAN SEMASA** | | **1,741,759,547** | **1,768,844,149** | **1,605,365,147** |
| Pembiayaan Pekerja | 8 | 991,322 | 991,322 | 789,496 |
| Wang Cagaran dan Prabayar | 9 | 3,561,731 | 3,561,731 | 3,882,752 |
| Bayaran Pendahuluan | 10 | 887,520 | 887,520 | 453,605 |
| Pelbagai Penghutang | 11 | 400,163,090 | 400,163,090 | 12,304,462 |
| Faedah Terakru Pelaburan | | 128,811 | 128,811 | 1,315,544 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 12 | 254,544,980 | 153,540,731 | 382,191,892 |
| **JUMLAH ASET SEMASA** | | **660,277,454** | **559,273,205** | **400,937,751** |
| **JUMLAH ASET** | | **2,402,037,001** | **2,328,117,354** | **2,006,302,898** |
| EKUITI | | | | |
| Kumpulan Wang Amanah | 13 | 4,595,924 | 4,595,924 | 4,289,513 |
| Kumpulan Wang Pelaburan | 14 | 19,341,795 | 19,341,795 | 18,648,786 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 15 | 18,000,000 | 18,000,000 | 18,000,000 |
| Lebihan Terkumpul | | 1,351,959,383 | 1,278,039,736 | 1,184,010,548 |
| **JUMLAH EKUITI** | | **1,393,897,102** | **1,319,977,455** | **1,224,948,847** |
| LIABILITI | | | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 16 | 646,445,605 | 646,445,605 | 698,272,455 |
| Manfaat Pekerja | 17 | 221,079,425 | 221,079,425 | 58,171,648 |
| Pinjaman Berjangka | 18 | 120,012,975 | 120,012,975 | - |
| Pajakan Kewangan | 19 | 2,184,518 | 2,184,518 | 4,968,607 |
| **JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA** | | **989,722,523** | **989,722,523** | **761,412,710** |
| Pelbagai Pemiutang | 20 | 10,206,156 | 10,206,156 | 16,709,822 |
| Pinjaman Berjangka | 18 | 2,794,318 | 2,794,318 | - |
| Pajakan Kewangan | 19 | 2,784,089 | 2,784,089 | 2,638,521 |
| Deposit | 21 | 2,552,813 | 2,552,813 | 512,998 |
| Peruntukan Yuran Audit | | 80,000 | 80,000 | 80,000 |
| **JUMLAH LIABILITI SEMASA** | | **18,417,376** | **18,417,376** | **19,941,341** |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **1,008,139,899** | **1,008,139,899** | **781,354,051** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **2,402,037,001** | **2,328,117,354** | **2,006,302,898** |

***Nota-nota di muka surat 86 hingga 111 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.***

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | | KUMPULAN | LHDNM | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2017 | 2016 |
| | Nota | RM | RM | RM |
| Hasil | 22 | 2,525,625,743 | 2,525,625,743 | 1,968,561,164 |
| Pendapatan Operasi Lain | 23 | 864,621 | 864,621 | 271,570 |
| Kos Pekerja | 24 | (1,520,579,504) | (1,520,579,504) | (1,354,229,282) |
| Susut nilai / Rosot nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 3 | (69,276,059) | (69,276,059) | (73,653,839) |
| Perbelanjaan Operasi Lain | 25 | (792,220,998) | (866,136,396) | (521,404,210) |
| **Lebihan Daripada Operasi** | | **144,413,803** | **70,498,405** | **19,545,403** |
| Kos Kewangan | | (518,072) | (518,072) | (7,876,388) |
| Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman | | 24,053,104 | 24,048,855 | 23,456,902 |
| **Lebihan Pendapatan Tahun Semasa / Jumlah Lebihan Keseluruhan Tahun Semasa** | | **167,948,835** | **94,029,188** | **35,125,917** |

***Nota-nota di muka surat 86 hingga 111 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.***

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| KUMPULAN | Kumpulan Wang Amanah RM | Kumpulan Wang Pelaburan RM | Kumpulan Wang Pinjaman RM | Lebihan Terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki pada 1 Jan 2017** | **4,289,513** | **18,648,786** | **18,000,000** | **1,184,010,548** | **1,224,948,847** |
| Lebihan Semasa | 306,411 | 693,009 | - | 167,948,835 | 168,948,255 |
| **Baki pada 31 Dis 2017** | **4,595,924** | **19,341,795** | **18,000,000** | **1,351,959,383** | **1,393,897,102** |

| LHDNM | Kumpulan Wang Amanah RM | Kumpulan Wang Pelaburan RM | Kumpulan Wang Pinjaman RM | Lebihan Terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki pada 1 Jan 2017** | **4,289,513** | **18,648,786** | **18,000,000** | **1,184,010,548** | **1,224,948,847** |
| Lebihan Semasa | 306,411 | 693,009 | - | 94,029,188 | 95,028,608 |
| **Baki pada 31 Dis 2017** | **4,595,924** | **19,341,795** | **18,000,000** | **1,278,039,736** | **1,319,977,455** |
| | | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2016 (dinyatakan semula)** | **3,835,500** | **18,000,000** | **18,000,000** | **1,148,884,631** | **1,188,720,131** |
| Lebihan Semasa | 454,013 | 648,786 | - | 35,125,917 | 36,228,716 |
| **Baki pada 31 Dis 2016** | **4,289,513** | **18,648,786** | **18,000,000** | **1,184,010,548** | **1,224,948,847** |

***Nota-nota di muka surat 86 hingga 111 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.***

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | | KUMPULAN | LHDNM | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2017 | 2016 |
| | Nota | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | |
| Terimaan Dari Kerajaan Persekutuan dan Pendapatan Lain | 26 | 2,073,250,530 | 2,073,250,530 | 2,194,631,906 |
| Bayaran Kepada Pembekal dan Pekerja | 27 | (2,168,369,754) | (2,168,369,754) | (1,961,159,690) |
| **TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) / DITERIMA DALAM AKTIVITI OPERASI** | | **(95,119,224)** | **(95,119,224)** | **233,472,216** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan termasuk Kerja Dalam Kemajuan dan Aset Tidak Ketara | | 80,894,837 | 80,894,837 | 5,425,308 |
| Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 268,194 | 268,194 | 276,059 |
| Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman | | 22,847,981 | 22,843,732 | 22,196,235 |
| Pinjaman Kepada Pekerja | | (49,819) | (49,819) | (519,612) |
| **TUNAI BERSIH DITERIMA DALAM AKTIVITI PELABURAN** | | **103,961,193** | **103,956,944** | **27,377,990** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | | (11,787,102) | (11,787,102) | (8,113,538) |
| Kumpulan Wang Amanah | | 569,098 | 569,098 | 711,234 |
| Kumpulan Wang Pelaburan | | 693,009 | 693,009 | - |
| Pinjaman Berjangka | | (122,807,293) | (122,807,293) | (16,412,384) |
| Pajakan Kewangan | | (2,638,521) | (2,638,521) | (2,500,599) |
| Pelaburan Anak Syarikat | | - | (1,000,000) | - |
| Pembiayaan Anak Syarikat | | - | (100,000,000) | - |
| Kos Kewangan Dibayar | | (518,072) | (518,072) | (7,876,388) |
| **TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | **(136,488,881)** | **(237,488,881)** | **(34,191,675)** |
| (Pengurangan) / Pertambahan Bersih Tunai | | (127,646,912) | (228,651,161) | 226,658,531 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | | 382,191,892 | 382,191,892 | 155,533,361 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | | **254,544,980** | **153,540,731** | **382,191,892** |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER** | | | | |
| Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek | | 119,372,371 | 119,372,371 | 320,648,786 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | | 135,172,609 | 34,168,360 | 61,543,106 |
| | | **254,544,980** | **153,540,731** | **382,191,892** |

***Nota-nota di muka surat 86 hingga 111 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.***

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

### 1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan, duti setem, duti harta pesaka dan cukai-cukai lain.

### 1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 16 Ogos 2018.

## 2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

### 2.1 Asas Penyediaan

**a. Penyataan Pematuhan**

Asas penyediaan Penyata Kewangan adalah selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

**b. Asas Pengukuran**

Penyediaan Penyata Kewangan LHDNM menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya.

**c. Mata Wang Fungsian dan Pembentangan**

Penyata Kewangan LHDNM dilaporkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana LHDNM beroperasi. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

**d. Penggunaan Anggaran dan Pertimbangan**

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MPERS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran serta andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan serta pelaporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza berbanding dengan anggaran.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

## 2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan diakaunkan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan (rosot nilai) terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung semasa perolehan aset.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai pembawa aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang kepada LHDNM dan kos tersebut dapat diukur secara pasti. Semua perbelanjaan baikpulih, dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembelian RM1,000 seunit dan ke atas akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambil kira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

**Susut Nilai**

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Pajakan | Berdasarkan Tempoh Pajakan |
| Bangunan | 2% |
| Perabot & Lengkapan | 20% |
| Kenderaan | 20% |
| Komputer | 33.33% |

Aset sewaan disusut nilaikan berdasarkan tempoh sewaan dan usia penggunaannya mana yang lebih awal melainkan LHDNM mendapat pengesahan pemilikan aset berkenaan.

Tanah Milik Bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusut nilai. Kerja Dalam Kemajuan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan.

Kerja Dalam Kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh LHDNM.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu dinilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

### 2.3 Aset Tidak Ketara

Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan tidak akan dipermodalkan dan dicajkan kepada Penyata Keseluruhan Pendapatan, kecuali kos yang merupakan sebahagian daripada kos aset berkenaan.

LHDNM tidak mengiktiraf muhibbah, paten, harta intelek, lesen perisian, senarai pelanggan dan seantaranya hasil daripada penghasilan dalaman yang tidak dapat dikenalpasti daripada kos pembangunan keseluruhannya.

Aset Tidak Ketara dinyatakan pada kos. Selepas pengiktirafan awal, Aset Tidak Ketara hendaklah dibawa pada kos selepas ditolak pelunasan terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Perisian komputer yang diperoleh akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 33.33%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

### 2.4 Rosot Nilai Aset

Aset yang tertakluk kepada rosot nilai akan disemak untuk rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai penggunaan. Rosot nilai akan dicaj di Penyata Keseluruhan Pendapatan.

### 2.5 Pelaburan Dalam Anak Syarikat (Subsidiari)

Pelaburan dalam anak syarikat diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan dinyatakan pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai.

Nilai bawaan akan disemak dan diselaraskan sekiranya terdapat petunjuk penurunan nilai pada tahun berkenaan. Kerugian kemerosotan nilai akan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Butiran Anak Syarikat adalah seperti berikut:

| Nama Anak Syarikat | Aktiviti Utama | Tahun Kewangan | Kepentingan Pemilikan Efektif |
|---|---|---|---|
| Yayasan LHDNM | Penganjuran aktiviti kebajikan kepada pegawai LHDNM dan keluarga serta masyarakat setempat. | 31 Disember | 100% |

## 2.6 Pembiayaan Anak Syarikat

Pembiayaan anak syarikat dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama yang dianggarkan adalah berdasarkan kadar diskaun jangkaan aliran tunai pada masa hadapan. Bagi tujuan ini, nilai semasa kadar pasaran pembiayaan digunakan dengan mengambilkira risiko kredit dan tempoh kematangan yang serupa.

## 2.7 Pembiayaan Pekerja

Pinjaman pekerja dinyatakan pada kos. Anggaran ke atas hutang ragu dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapus kira pada tempoh ia dikenalpasti.

## 2.8 Penghutang

Penghutang adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak dengan peruntukan hutang ragu.

## 2.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

LHDNM telah menuruti kaedah langsung di dalam penyediaan aliran tunai. Untuk tujuan Penyata Aliran Tunai, Tunai Dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi dalam tempoh kematangan asal sehingga setahun.

## 2.10 Manfaat Pekerja

Tanggungan akan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar di bawah jangka masa pendek sekiranya LHDNM mempunyai obligasi perundangan atau obligasi yang konstruktif untuk menyelesaikan tanggungan sebagai gantian kepada perkhidmatan lepas yang diberikan kepada pekerja dan tanggungan tersebut boleh diukur secara saksama.

Manfaat pekerja / faedah persaraan pekerja terdiri daripada berikut:

i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji dan upah, elaun, imbuhan tahunan dan faedah bukan kewangan seperti cuti rehat tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan sebagainya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan bagi tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja LHDNM.

ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman dibuat kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah bagi pekerja yang layak dicarum.

LHDNM juga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Malaysia.

Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan bagi tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja kecuali bagi caruman imbuhan tahunan diiktiraf pada tahun ia diterima.

iii. Manfaat Jangka Panjang

Peruntukan manfaat jangka panjang bagi Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP) pesara diiktiraf secara tahunan berdasarkan kepada pengiraan dan anggaran semasa dan tiada dana khas bagi tujuan ini.

### 2.11 Pinjaman Berjangka

Pinjaman berjangka dinyatakan pada kos.

### 2.12 Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana LHDNM menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan yang dimiliki melalui pajakan kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diperakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas penyata pendapatan sepanjang tempoh pelan pajakan.

### 2.13 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**2.14 Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan utama merupakan Fi Agensi yang diterima berdasarkan Perjanjian Agensi antara LHDNM dan Kerajaan Malaysia untuk membiayai kos operasi dan modal. Pendapatan tersebut dan pendapatan lain diambilkira atas dasar akruan kecuali pendapatan keuntungan daripada simpanan Skim Al-Mudharabah, Skim Perlindungan Insurans Syarikat Takaful dan pelupusan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf apabila keuntungan diterima.

Pengiraan anggaran Fi Agensi boleh terima daripada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah anggaran kutipan kasar hasil cukai diperolehi dalam sesuatu tahun. Fi Agensi diakrukan dalam tahun di mana pendapatan diiktiraf dan akan dilaraskan semula berdasarkan kutipan sebenar hasil cukai diterima oleh Kerajaan.

**2.15 Pengiktirafan Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan**

Pemberian Khas Kerajaan adalah pendapatan pada tahun diterima oleh LHDNM bagi menampung pelaksanaan Bayaran Khas dan Program Khas Kerajaan.

**2.16 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan**

Polisi pengurusan risiko kewangan LHDNM adalah untuk memastikan LHDNM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan fungsi-fungsi LHDNM seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 11 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Berikut adalah risiko kewangan utama yang dihadapi oleh LHDNM dan ketetapan yang berkaitan aktiviti operasi dan modal:

i. Risiko Kadar Faedah

LHDNM akan mendapatkan pinjaman pada asas kadar tetap untuk mengurangkan kenaikan kadar faedah dan seterusnya mengurangkan risiko kadar faedah.

ii. Risiko Kredit

Risiko kredit adalah dikawal melalui prosedur kelulusan kredit, had dan pemantauan. Semakan dalaman ke atas kredit akan dilakukan sekiranya risiko tersebut adalah material.

iii. Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Pengurusan risiko kecairan secara berhati-hati melibatkan pengekalan tunai dan kesediaan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

### 2.17 Pajakan Operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke Penyata Keseluruhan Pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

### 2.18 Tanggungan Luar Jangka

LHDNM tidak mengiktiraf tanggungan luar jangka tetapi menyatakan kewujudannya di dalam penyata kewangan. Tanggungan luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan. Ianya tidak dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Tanggungan luar jangka wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Perabot & Lengkapan | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN / LHDNM** | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2017** | **217,055,888** | **1,452,331,932** | **47,078,126** | **60,238,673** | **292,506,329** | **2,069,210,948** |
| Penambahan | 9,860,000 | 97,911,643 | 13,116,208 | 2,748,621 | 34,704,585 | 158,341,057 |
| Pelupusan | - | - | (2,414,905) | (2,327,000) | (8,867,744) | (13,609,649) |
| Pengelasan Semula | - | - | - | - | - | - |
| Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan | - | - | - | - | - | - |
| Pindahan Kepada Aset Tidak Ketara | - | - | - | - | (134,999) | (134,999) |
| **Baki pada 31 Dis 2017** | **226,915,888** | **1,550,243,575** | **57,779,429** | **60,660,294** | **318,208,171** | **2,213,807,357** |
| **Susut Nilai Terkumpul** | | | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2017** | **42,617,880** | **84,481,405** | **38,337,398** | **48,816,605** | **269,610,587** | **483,863,875** |
| Caj bagi Tahun Semasa | 1,057,244 | 29,209,824 | 4,607,757 | 5,538,670 | 24,897,026 | 65,310,521 |
| Pelupusan | - | - | (2,414,875) | (2,324,830) | (8,867,046) | (13,606,751) |
| Pengelasan Semula | - | - | - | - | - | - |
| Pindahan Kepada Aset Tidak Ketara | - | - | - | - | (134,998) | (134,998) |
| **Baki pada 31 Dis 2017** | **43,675,124** | **113,691,229** | **40,530,280** | **52,030,445** | **285,505,569** | **535,432,647** |
| **Nilai Buku Bersih KUMPULAN / LHDNM** | | | | | | |
| **Pada 31 Dis 2017** | **183,240,764** | **1,436,552,346** | **17,249,149** | **8,629,849** | **32,702,602** | **1,678,374,710** |
| **LHDNM** | | | | | | |
| **Kos** | | | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2016** | **204,392,042** | **1,452,331,932** | **49,514,336** | **59,171,008** | **304,148,932** | **2,069,558,250** |
| Penambahan | - | - | - | 1,984,265 | 866,746 | 2,851,011 |
| Pelupusan | - | - | (2,436,587) | (601,095) | (5,868,809) | (8,906,491) |
| Pengelasan Semula | - | - | 377 | (315,505) | (312,766) | (627,894) |
| Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan | 12,663,846 | - | - | - | 8,986,364 | 21,650,210 |
| Pindahan Kepada Aset Tidak Ketara | - | - | - | - | (15,314,138) | (15,314,138) |
| **Baki pada 31 Dis 2016** | **217,055,888** | **1,452,331,932** | **47,078,126** | **60,238,673** | **292,506,329** | **2,069,210,948** |
| **Susut Nilai Terkumpul** | | | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2016** | **41,577,069** | **55,434,766** | **37,086,872** | **43,477,528** | **251,865,976** | **429,442,211** |
| Caj bagi Tahun Semasa | 1,040,811 | 29,046,639 | 3,686,699 | 6,018,087 | 33,861,603 | 73,653,839 |
| Pelupusan | - | - | (2,436,551) | (580,359) | (5,868,233) | (8,885,143) |
| Pengelasan Semula | - | - | 378 | (98,651) | (216,549) | (314,822) |
| Pindahan Kepada Aset Tidak Ketara | - | - | - | - | (10,032,210) | (10,032,210) |
| **Baki pada 31 Dis 2016** | **42,617,880** | **84,481,405** | **38,337,398** | **48,816,605** | **269,610,587** | **483,863,875** |
| **Nilai Buku Bersih LHDNM** | | | | | | |
| **Pada 31 Dis 2016** | **174,438,008** | **1,367,850,527** | **8,740,728** | **11,422,068** | **22,895,742** | **1,585,347,073** |

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Nilaian bersih Hartanah adalah seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Tanah Milik Bebas | 76,083,623 | 76,083,623 |
| Tanah Pajakan | 107,157,141 | 98,354,385 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **183,240,764** | **174,438,008** |

Nilaian bersih Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui Pajakan Kewangan adalah seperti berikut:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Tanah | 9,843,566 | - |
| Bangunan | 97,748,457 | - |
| Perabot & Lengkapan | 182,923 | - |
| | 107,774,946 | - |
| Kenderaan | 16,787,499 | - |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **124,562,445** | **-** |

## 4. ASET TIDAK KETARA

| **KUMPULAN / LHDNM** | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Kos | | |
| **Baki pada 1 Jan** | **15,314,138** | - |
| Penambahan | 2,120,000 | - |
| Pengelasan semula | 134,999 | 15,314,138 |
| **Baki pada 31 Dis** | **17,569,137** | **15,314,138** |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| **Baki pada 1 Jan** | **10,032,210** | - |
| Caj bagi Tahun Semasa | 3,965,538 | - |
| Pengelasan semula | 134,998 | 10,032,210 |
| **Baki pada 31 Dis** | **14,132,746** | **10,032,210** |
| **Nilai Buku Bersih** | | |
| **Pada 31 Dis** | **3,436,391** | **5,281,928** |

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## 5. KERJA DALAM KEMAJUAN

| KUMPULAN / LHDNM | Kumpulan Wang Mengurus RM | Kumpulan Wang Pembangunan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Jan 2017** | **3,505,497** | **9,768,415** | **13,273,912** |
| Penambahan | 50,259,532 | 11,152,560 | 61,412,092 |
| Pindahan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan | - | - | - |
| Pindahan Ke Aset Tidak Ketara | - | (2,120,000) | (2,120,000) |
| Pindahan Ke Penyata Pendapatan[1] | (9,493,225) | (4,434,560) | (13,927,785) |
| **Baki Pada 31 Dis 2017** | **44,271,804** | **14,366,415** | **58,638,219** |
| **LHDNM** | | | |
| **Baki Pada 1 Jan 2016** | **12,333,976** | **20,191,951** | **32,525,927** |
| Penambahan | 10,870,955 | 5,538,873 | 16,409,828 |
| Pindahan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan | (12,333,976) | (9,316,234) | (21,650,210) |
| Pindahan Ke Aset Tidak Ketara | - | - | - |
| Pindahan Ke Penyata Pendapatan[1] | (7,365,458) | (6,646,175) | (14,011,633) |
| **Baki Pada 31 Dis 2016** | **3,505,497** | **9,768,415** | **13,273,912** |

[1] Sebahagian daripada Kerja Dalam Kemajuan telah diselaraskan kepada Penyata Pendapatan berdasarkan jenis perbelanjaan apabila didapati ianya tidak layak dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan.

Kerja Dalam Kemajuan adalah termasuk projek teknologi maklumat dan bangunan yang dikontrakkan dalam tahun semasa dan sebelumnya yang masih tidak dipermodalkan memandangkan projek-projek tersebut masih belum selesai atau belum mendapat sijil siap kerja dalam tahun semasa.

## 6. PELABURAN ANAK SYARIKAT

6.1 LHDNM telah menubuhkan anak syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 dengan nama Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) dan telah diperbadankan pada 6 Oktober 2017. Penubuhan Yayasan ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi manfaat dan kebajikan kepada pegawai-pegawai LHDNM serta keluarga dan masyarakat setempat seperti pendidikan, kesihatan, penyelidikan, alam sekitar, sosial dan sukan. Penyata Kewangan YLHDNM tidak tertakluk kepada pengauditan Jabatan Audit Negara. Penyata Kewangan YLHDNM Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 yang disatukan dalam Penyata Kewangan ini adalah belum diaudit.

6.2 Bagi membolehkan Yayasan ini dikenali sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ), LHDNM bersetuju untuk menyalurkan sebanyak RM1,000,000 tunai sebagai dana Yayasan.

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pelaburan Dalam Anak Syarikat | 1,000,000 | - |
| Tolak: | | |
| Peruntukan Rosotnilai Pelaburan | - | - |
| **JUMLAH LHDNM (Aset Bukan Semasa)** | **1,000,000** | - |
| Tolak: | | |
| Pelarasan Penyatuan Urusniaga Antara Syarikat | 1,000,000 | - |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | - | - |

## 7. PEMBIAYAAN ANAK SYARIKAT

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Pembiayaan Tanpa Faedah | 100,000,000 | - |
| Tolak: | | |
| Kerugian Nilai Saksama | 73,915,398 | - |
| **JUMLAH LHDNM (Aset Bukan Semasa)** | **26,084,602** | - |
| Tolak: | | |
| Pelarasan Penyatuan Urusniaga Antara Syarikat | **26,084,602** | - |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | - | - |

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

LHDNM memberi pinjaman tanpa faedah sebanyak RM100,000,000 kepada YLHDNM dan dijangka akan dibayar balik pada akhir tahun ke-20. Kos pinjaman semasa YLHDNM jika berdasarkan purata *Based Lending Rate* (BLR) semasa (Dengan membandingkan data Bank Negara Malaysia (BNM) pada Disember 2017 - Data Institusi Kewangan) adalah pada kadar 6.95%.

## 8. PEMBIAYAAN PEKERJA

| KUMPULAN / LHDNM | Pinjaman Kenderaan RM | Pinjaman Komputer RM | Pinjaman Pengajian RM | Pinjaman Lain RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Jan 2017** | **422,663** | **1,567,534** | **332,605** | **-** | **2,322,802** |
| Pemberian Pinjaman | - | 967,200 | 27,981 | - | 995,181 |
| | 422,663 | 2,534,734 | 360,586 | - | 3,317,983 |
| Tolak: | | | | | |
| Bayaran Balik Pinjaman | 150,392 | 775,750 | 37,610 | - | 963,752 |
| **Baki Pada 31 Dis 2017** | **272,271** | **1,758,984** | **322,976** | **-** | **2,354,231** |
| Tolak : | | | | | |
| Peruntukan Hutang Ragu | 47,714 | 4,968 | - | - | 52,682 |
| | **224,557** | **1,754,016** | **322,976** | **-** | **2,301,549** |

Penyesuaian Peruntukan Hutang Ragu adalah seperti berikut :

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Jan 2017** | **66,104** | **4,968** | **-** | **-** | **71,072** |
| Tolak: | | | | | |
| Peruntukan Dipulihkan | 18,390 | - | - | - | 18,390 |
| Peruntukan Dihapuskira | - | - | - | - | - |
| **Baki Pada 31 Dis 2017** | **47,714** | **4,968** | **-** | **-** | **52,682** |

**LHDNM**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Jan 2016** | **534,778** | **938,388** | **324,055** | **13,000** | **1,810,221** |
| Pemberian Pinjaman | 93,500 | 1,186,000 | 118,774 | - | 1,398,274 |
| | 628,278 | 2,124,388 | 442,829 | 13,000 | 3,208,495 |
| Tolak: | | | | | |
| Bayaran Balik Pinjaman | 205,615 | 556,854 | 110,224 | 13,000 | 885,693 |
| **Baki Pada 31 Dis 2016** | **422,663** | **1,567,534** | **332,605** | **-** | **2,322,802** |
| Tolak : | | | | | |
| Peruntukan Hutang Ragu | 66,104 | 4,968 | - | - | 71,072 |
| | **356,559** | **1,562,566** | **332,605** | **-** | **2,251,730** |

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Penyesuaian Peruntukan Hutang Ragu adalah seperti berikut :

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Jan 2016** | **73,135** | **4,968** | - | - | **78,103** |
| Tolak: | | | | | |
| Peruntukan Dipulihkan | 7,031 | - | - | - | 7,031 |
| Peruntukan Dihapuskira | - | - | - | - | - |
| **Baki Pada 31 Dis 2016** | **66,104** | **4,968** | - | - | **71,072** |

Pembiayaan Pekerja ditunjukkan di dalam:

| | **2017 RM** | **2016 RM** |
|---|---|---|
| Aset Semasa (Jumlah akan diterima dalam tempoh 12 bulan) | 991,322 | 789,496 |
| Aset Bukan Semasa | 1,310,227 | 1,462,234 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **2,301,549** | **2,251,730** |

Pembiayaan Pekerja adalah seperti berikut:

| **Jenis** | **Tempoh Bayaran Balik Tahun** | **Bayaran Perkhidmatan % / Tahun** |
|---|---|---|
| Kenderaan (Motosikal) | 5 | 4% (baki berkurangan) |
| Komputer | 4 | 4% (baki berkurangan) |
| Pengajian | 5 | - |
| Pinjaman Tanpa Faedah | 1 | - |

## 9. WANG CAGARAN DAN PRABAYAR

| | **2017 RM** | **2016 RM** |
|---|---|---|
| Cagaran Air | 65,684 | 62,610 |
| Cagaran Elektrik | 770,997 | 770,747 |
| Cagaran Sewa Bangunan | 188,288 | 182,793 |
| Cagaran Lain | 9,899 | 9,349 |
| Prabayar Bekalan dan Perkhidmatan | 527,377 | 1,082,306 |
| Prabayar Premium Insuran Kesihatan | 1,999,486 | 1,774,947 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **3,561,731** | **3,882,752** |

## 10. BAYARAN PENDAHULUAN

| KUMPULAN / LHDNM | Emolumen[1] RM | Pekerja[2] RM | Pelbagai[3] RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| **Baki pada 1 Jan 2017** | **6,618** | **21,945** | **425,042** | **453,605** |
| Pemberian Pendahuluan | 32,317 | 513,821 | 118,494,001 | 119,040,139 |
| | 38,935 | 535,766 | 118,919,043 | 119,493,744 |
| Tolak: | | | | |
| Bayaran Balik Pendahuluan | 34,652 | 322,946 | 118,248,626 | 118,606,224 |
| **Baki pada 31 Dis 2017** | **4,283** | **212,820** | **670,417** | **887,520** |
| **LHDNM** | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2016** | **31,648** | **26,079** | **134,020** | **191,747** |
| Pemberian Pendahuluan | 37,283 | 284,757 | 15,129,381 | 15,451,421 |
| | 68,931 | 310,836 | 15,263,401 | 15,643,168 |
| Tolak: | | | | |
| Bayaran Balik Pendahuluan | 62,313 | 288,891 | 14,838,359 | 15,189,563 |
| **Baki pada 31 Dis 2016** | **6,618** | **21,945** | **425,042** | **453,605** |

[1] Bayaran Pendahuluan Emolumen adalah bagi bayaran balik melalui potongan gaji pekerja.
[2] Bayaran Pendahuluan Pekerja adalah bagi pendahuluan tugas rasmi pekerja.
[3] Bayaran Pendahuluan Pelbagai adalah bagi aktiviti LHDNM yang menggunakan tunai serta pendahuluan bayaran insurans kesihatan pekerja LHDNM yang akan dibayar balik melalui potongan gaji.

## 11. PELBAGAI PENGHUTANG

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Penghutang Pekerja[1] | 104,939 | 137,103 |
| Penghutang Perniagaan[2] | 134,996 | 88,669 |
| Penjelasan Cukai Barang Dan Perkhidmatan[3] | - | 12,078,690 |
| Penghutang Perkhidmatan[4] | 399,923,155 | - |
| **JUMLAH KUMPULAN/LHDNM** | **400,163,090** | **12,304,462** |

[1] Penghutang Pekerja adalah baki pinjaman/pendahuluan yang belum dilunaskan oleh pekerja.
[2] Penghutang Perniagaan hasil sewaan, caj penceramah korporat dan lain-lain hasil teraku.
[3] Penjelasan Cukai Barang Dan Perkhidmatan adalah jumlah cukai input terkumpul yang dituntut bagi tempoh April 2016 sehingga Disember 2016. Pada tahun 2017, cukai input telah dihapus kira kepada perbelanjaan cukai disekat berdasarkan keputusan Pengarah Kastam Diraja Malaysia berkenaan dengan status LHDNM yang tidak boleh membuat tuntutan cukai input.
[4] Penghutang Perkhidmatan adalah Fi Agensi dan Pemberian Khas belum terima daripada Kerajaan Persekutuan.

## 12. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | KUMPULAN | LHDNM | |
|---|---|---|---|
| | 2017 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM |
| Simpanan Tetap | 20,000,000 | 20,000,000 | 230,648,786 |
| Perjanjian Belian Balik (Repo) | 99,372,371 | 99,372,371 | 90,000,000 |
| | 119,372,371 | 119,372,371 | 320,648,786 |
| Tunai dan Baki Bank | 135,172,609 | 34,168,360 | 61,543,106 |
| **Jumlah** | **254,544,980** | **153,540,731** | **382,191,892** |

Kadar keuntungan efektif bagi pelaburan LHDNM adalah pada kadar antara 3.03% kepada 3.90% setahun (2016: 2.95% kepada 3.85% setahun) dengan tempoh matang dalam peletakan sehingga 4 bulan.

| | KUMPULAN | LHDNM | |
|---|---|---|---|
| | 2017 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM |
| Wang Tunai Di Bank | 135,095,119 | 34,090,870 | 61,474,384 |
| Wang Tunai Di Tangan | 77,490 | 77,490 | 68,722 |
| **Jumlah** | **135,172,609** | **34,168,360** | **61,543,106** |

## 13. KUMPULAN WANG AMANAH

Kumpulan Wang Amanah LHDNM adalah merangkumi 2 perkara berikut:

13.1 Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Malaysia ditubuhkan bagi memperakaunkan segala pendapatan dan perbelanjaan berkaitan kebajikan peserta kursus, aktiviti latihan, penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan oleh Akademi Percukaian Malaysia. Ia juga merangkumi program-program melibatkan kursus antarabangsa yang dikendalikan oleh Akademi Percukaian Malaysia dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

13.2 Tabung Wang Ihsan LHDNM ditubuhkan dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2015. Ianya bertujuan untuk mengurus bantuan ihsan kepada pekerja LHDNM, waris serta pihak luar, sumbangan serta bantuan kepada rumah kebajikan, bantuan mangsa banjir dan lain-lain program kebajikan sebagai menyokong fungsi LHDNM dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kepada pekerja dan masyarakat secara umumnya

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

| KUMPULAN / LHDNM | 2017 | | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Akademi Percukaian Malaysia RM | Tabung Ihsan RM | Jumlah RM | Akademi Percukaian Malaysia RM | Tabung Ihsan RM | Jumlah RM |
| **Pendapatan** | | | | | | |
| Hasil Dari Sumber Dalaman | 131,603 | 287,218 | 418,821 | 303,027 | 145,702 | 448,729 |
| Sumbangan Organisasi Luar | 485,931 | 102,488 | 588,419 | 1,380,755 | 436,550 | 1,817,305 |
| Faedah Simpanan Tetap | 74,842 | - | 74,842 | 33,540 | 5,819 | 39,359 |
| | **692,376** | **389,706** | **1,082,082** | **1,717,322** | **588,071** | **2,305,393** |
| **Tolak: Perbelanjaan** | | | | | | |
| Perbelanjaan Tunai | 552,868 | 16,230 | 569,098 | 1,275,339 | 318,820 | 1,594,159 |
| Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 155,563 | 1,010 | 156,573 | 251,461 | 5,760 | 257,221 |
| | **708,431** | **17,240** | **725,671** | **1,526,800** | **324,580** | **1,851,380** |
| Lebihan Semasa | **(16,055)** | **372,466** | **356,411** | **190,522** | **263,491** | **454,013** |
| Lebihan Terkumpul dari Tahun Lepas | 3,267,967 | 1,021,546 | 4,289,513 | 3,077,445 | 758,055 | 3,835,500 |
| Sumbangan ke Tabung Khairat Kematian LHDNM | - | (50,000) | (50,000) | - | - | - |
| **Lebihan Terkumpul Dibawa Ke Hadapan** | **3,251,912** | **1,344,012** | **4,595,924** | **3,267,967** | **1,021,546** | **4,289,513** |

## 14. KUMPULAN WANG PELABURAN

14.1 Kumpulan Wang Pelaburan sebanyak RM18,000,000 adalah merupakan dana pembiayaan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 21 Mac 1997 ketika LHDNM dilembagakan. Dana ini adalah bagi tujuan pelaburan untuk menjana pandapatan tambahan LHDNM.

14.2. LHDNM diberi kuasa di bawah Seksyen 28, Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995 untuk membuat pelaburan. Walau bagaimanapun, ianya terhad di dalam bentuk Simpanan Tetap, *Bankers Acceptance* dan *Repurchase Agreement* di bank dan institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

14.3 Mulai tahun 2016, Jawatankuasa Pelaburan telah bersetuju supaya pulangan daripada dana Kumpulan Wang Pelaburan dilaburkan semula bersekali dengan dana asal. Keseluruhan amaun Kumpulan Wang Pelaburan berakhir 31 Disember 2017 adalah diletakkan pada pelaburan simpanan tetap di institusi perbankan.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

| **KUMPULAN / LHDNM** | **2017 RM** | **2016 RM** |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 18,648,786 | 18,000,000 |
| Tambah: | | |
| Faedah Pelaburan | 693,009 | 648,786 |
| **Baki Pada 31 Disember** | **19,341,795** | **18,648,786** |

Kadar keuntungan efektif bagi pelaburan LHDNM adalah pada kadar antara 3.03% kepada 3.90% setahun (2016: 3.30% kepada 4.15% setahun) dengan tempoh matang dalam peletakan sehingga 124 hari.

## 15. KUMPULAN WANG PINJAMAN

Kumpulan Wang Pinjaman sebanyak RM18,000,000 adalah merupakan dana bagi LHDNM memberi kemudahan pembiayaan kepada pekerja bagi pinjaman kenderaan, komputer dan pengajian.

| | **Kenderaan RM** | **Komputer RM** | **Pengajian RM** | **Jumlah RM** |
|---|---|---|---|---|
| **Had Pembiayaan Yang Diluluskan** | **14,000,000** | **3,000,000** | **1,000,000** | **18,000,000** |
| **KUMPULAN / LHDNM** | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2017** | **13,577,337** | **1,432,466** | **667,395** | **15,677,198** |
| Tolak: | | | | |
| Pemberian Pinjaman Kepada Pekerja | - | (967,200) | (27,981) | (995,181) |
| | **13,577,337** | **465,266** | **639,414** | **14,682,017** |
| Campur: | | | | |
| Bayaran Balik Pinjaman Oleh Pekerja | 150,392 | 775,750 | 37,610 | 963,752 |
| Baki Pinjaman Dihapuskira | 47,714 | 4,968 | - | 52,682 |
| **Baki pada 31 Dis 2017** | **13,775,443** | **1,245,984** | **677,024** | **15,698,451** |

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

| | Kenderaan RM | Komputer RM | Pengajian RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| **Had Pembiayaan Yang Diluluskan** | **14,000,000** | **3,000,000** | **1,000,000** | **18,000,000** |
| **LHDNM** | | | | |
| **Baki pada 1 Jan 2016** | **13,452,222** | **2,061,612** | **675,945** | **16,189,779** |
| Tolak: | | | | |
| Pemberian Pinjaman Kepada Pekerja | 93,500 | 1,186,000 | 118,774 | 1,398,274 |
| | **13,358,722** | **875,612** | **557,171** | **14,791,505** |
| Campur: | | | | |
| Bayaran Balik Pinjaman Oleh Pekerja | 205,615 | 556,854 | 110,224 | 872,693 |
| Bayaran Balik Pinjaman Lain | 13,000 | - | - | 13,000 |
| Baki Pinjaman Dihapuskira | - | - | - | - |
| **Baki pada 31 Dis 2016** | **13,577,337** | **1,432,466** | **667,395** | **15,677,198** |

## 16. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Kumpulan Wang Pembangunan adalah terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2014 bagi membiayai projek-projek pembangunan (Bangunan dan Pengkomputeran) di bawah Rancangan Malaysia Ke Lapan hingga Ke Sepuluh (RMKe-8 hingga RMKe-10). Pelunasan pembangunan dalam tahun semasa diambil kira sebagai manfaat penggunaan ke atas Hartanah, Loji dan Peralatan yang mana ianya sama dengan susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan.

| **KUMPULAN/LHDNM** | **2017 RM** | **2016 RM** |
|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Januari** | **698,272,455** | **755,184,303** |
| Tolak : Perbelanjaan Dilunaskan | 11,787,102 | 8,113,538 |
| Susut nilai / Rosot nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 40,039,748 | 48,798,310 |
| | **51,826,850** | **56,911,848** |
| **Baki Pada 31 Disember** | **646,445,605** | **698,272,455** |

## 17. MANFAAT PEKERJA

| **KUMPULAN/LHDNM** | **2017 RM** | **2016 RM** |
|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Januari** | **58,171,648** | **81,601,019** |
| Tambah: | | |
| Peruntukan Tahun Semasa | 220,991,180 | 50,909,148 |
| Tolak: | | |
| Pembayaran Tahun Semasa | 49,471,041 | 74,338,519 |
| Pelarasan Tahun Semasa | 8,612,362 | - |
| **Baki Pada 31 Disember** | **221,079,425** | **58,171,648** |

## 18. PINJAMAN BERJANGKA

| **KUMPULAN / LHDNM** | **2017 RM** | **2016 RM** |
|---|---|---|
| Pinjaman Berjangka ditunjukkan dalam : | | |
| Liabiliti Semasa | | |
| Dalam Setahun | 2,794,318 | - |
| Liabiliti Bukan Semasa | | |
| 1 Hingga 5 Tahun | 65,012,975 | - |
| Selepas 5 Tahun | 55,000,000 | |
| **Nilai Semasa Pinjaman Berjangka** | **122,807,293** | **-** |

LHDNM telah memperolehi pinjaman daripada Bank CIMB bagi membiayai perolehan kenderaan dan bangunan pejabat pada tahun 2017. Bayaran balik pembiayaan bangunan pejabat untuk 2 tahun pertama adalah pada atas kadar faedah sahaja. Berikut adalah butiran pinjaman LHDNM dengan CIMB Bank:

| **Perihal Pinjaman** | **Amaun Pinjaman** | **Bayaran Perkhidmatan** | **Ansuran Bermula** |
|---|---|---|---|
| | **RM** | **% / Tahun (Kadar Tetap)** | |
| Pinjaman Kenderaan | 585,984 | 4.00 | Ogos 2017 |
| | 12,939,421 | | Oktober 2017 |
| Menara Hasil Cawangan Kuantan | 110,000,000 | 4.15 | Januari 2018 |

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## 19. PAJAKAN KEWANGAN

| KUMPULAN / LHDNM | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Pajakan Kewangan ditunjukkan dalam : | | |
| Liabiliti Semasa | | |
| Dalam Setahun | 2,784,089 | 2,638,521 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | |
| 1 Hingga 5 Tahun | 2,184,518 | 4,968,607 |
| **Nilai Semasa Pajakan Kewangan** | **4,968,607** | **7,607,128** |

LHDNM telah memperolehi pinjaman secara pajakan kewangan bagi perolehan kenderaan berjumlah RM14,597,863 dalam tahun 2014 dengan kadar bayaran perkhidmatan BLR -1.15% hingga -1.85% setahun. Purata BLR tahun 2017 adalah sebanyak 6.85% (2016: BLR 6.85%).

## 20. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Bekalan dan Perkhidmatan | 10,025,113 | 12,808,392 |
| Pelbagai Pemiutang Terakru | - | 3,901,430 |
| Cukai Barang Dan Perkhidmatan[1] | 181,043 | - |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **10,206,156** | **16,709,822** |

[1] Cukai Barang Dan Perkhidmatan bagi tempoh suku tahun keempat tahun 2017 yang dijelaskan pada bulan Januari 2018.

## 21. DEPOSIT

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Wang Tahanan | 1,369,888 | 482,694 |
| Wang Cagaran | 21,250 | 9,351 |
| Deposit Pelbagai[1] | 1,161,675 | 20,953 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **2,552,813** | **512,998** |

[1] Deposit pelbagai terdiri daripada wang cagaran lain, bon pelaksanaan, deposit pelupusan dan deposit pelbagai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## 22. HASIL

Hasil utama LHDNM adalah Fi Agensi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 10 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 1995. Hasil terdiri daripada pendapatan dari sumber-sumber seperti berikut:

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Fi Agensi | 1,845,363,555 | 1,846,042,236 |
| Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan | 623,689,100 | 59,183,475 |
| Pemberian Wang Dilunaskan: | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 51,826,850 | 56,911,848 |
| Kumpulan Wang Amanah | 725,671 | 1,851,380 |
| Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu | 1,608,979 | 1,590,829 |
| Sewaan | 68,044 | 113,286 |
| Denda dan Hukuman | 104,779 | 259,913 |
| Jualan Dokumen Bercetak | 645,610 | 500,353 |
| Keuntungan Skim Perlindungan Insuran Syarikat Takaful | 126,970 | 200,113 |
| Pendapatan Lain | 1,466,185 | 1,907,731 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **2,525,625,743** | **1,968,561,164** |

## 23. PENDAPATAN OPERASI LAIN

Pendapatan operasi lain terdiri daripada:

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Jualan Barang-Barang Stor | 3,169 | 11,900 |
| Untung Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 251,189 | 253,270 |
| Pendapatan Lain | 50,967 | - |
| Terimaan Bukan Tunai (Dalam Bentuk Aset) | 559,296 | 6,400 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **864,621** | **271,570** |

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## 24. KOS PEKERJA

Kos pekerja terdiri daripada:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Gaji dan Upahan | 954,392,107 | 819,118,705 |
| Elaun Tetap | 125,478,661 | 124,271,878 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Pekerja | 239,121,937 | 209,607,574 |
| Elaun Lebih Masa | 6,624,283 | 6,555,711 |
| Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain | 194,962,516 | 194,675,414 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **1,520,579,504** | **1,354,229,282** |

## 25. PERBELANJAAN OPERASI LAIN

| | Kumpulan | LHDNM | |
|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Perbelanjaan dan Sara Hidup | 20,236,269 | 20,236,269 | 16,414,675 |
| Pengangkutan Barang-barang | 802,114 | 802,114 | 855,717 |
| Perhubungan dan Utiliti | 89,695,911 | 89,695,911 | 60,859,333 |
| Sewaan | 104,237,891 | 104,237,891 | 103,924,373 |
| Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyenggaraan | 1,729,904 | 1,729,904 | 1,336,456 |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain | 20,338,517 | 20,338,517 | 9,542,705 |
| Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil | 67,731,836 | 67,731,836 | 31,376,384 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 132,149,535 | 132,149,535 | 125,291,274 |
| Yuran Audit | 80,000 | 80,000 | 80,000 |
| Perkhidmatan Klinik dan Perubatan | 24,765,598 | 24,765,598 | 22,546,925 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 242,077,588 | 242,077,588 | 112,917,264 |
| Bayaran-bayaran Lain | 76,019,635 | 76,019,635 | 26,551,407 |
| Kerugian Nilai Saksama Pembiayaan Anak Syarikat | - | 73,915,398 | - |
| Perbelanjaan Wang Dilunaskan: | | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 11,787,102 | 11,787,102 | 8,113,538 |
| Kumpulan Wang Amanah | 569,098 | 569,098 | 1,594,159 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **792,220,998** | **866,136,396** | **521,404,210** |

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## 26. TERIMAAN FI AGENSI, PEMBERIAN KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN PENDAPATAN LAIN

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Fi Agensi Tahun Semasa | 1,745,440,400 | 1,846,042,236 |
| Fi Agensi Tahun Sebelum | - | 284,845,674 |
| Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan | 323,689,100 | 59,183,475 |
| Teriman Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu | 1,608,979 | 1,590,829 |
| Sewaan | 68,044 | 113,286 |
| Denda dan Hukuman | 104,779 | 259,913 |
| Jualan Dokumen Bercetak | 645,610 | 500,353 |
| Keuntungan Skim Perlindungan Insuran Syarikat Takaful | 126,970 | 200,113 |
| Pendapatan Lain | 1,517,152 | 1,907,731 |
| Jualan Barang-Barang Stor | 3,169 | 11,900 |
| Penghutang Perniagaan | 46,327 | (23,604) |
| **JUMLAH KUMPULAN/LHDNM** | **2,073,250,530** | **2,194,631,906** |

## 27. BAYARAN KEPADA PEMBEKAL DAN PEKERJA

| | Kumpulan | LHDNM | |
|---|---|---|---|
| | 2017 RM | 2017 RM | 2016 RM |
| Kos Pekerja | 1,520,579,504 | 1,520,579,504 | 1,354,229,282 |
| Perbelanjaan Operasi Lain | 792,220,998 | 866,136,396 | 521,404,210 |
| Wang Cagaran Dan Prabayar | (321,021) | (321,021) | 1,322,565 |
| Bayaran Pendahuluan | (433,915) | (433,915) | 261,858 |
| Penghutang Pekerja | 32,164 | 32,164 | 18,169 |
| Bayaran Cukai CBP | (379,465) | (379,465) | 5,576,217 |
| Pelbagai Pemiutang | (6,556,564) | (6,556,564) | 53,968,174 |
| Pelbagai Penghutang CBP | 12,078,690 | 12,078,690 | - |
| Manfaat Pekerja | (145,106,675) | (145,106,675) | 23,429,371 |
| Aset Bernilai Rendah Diperoleh Melalui Pinjaman Berjangka | (1,704,147) | (1,704,147) | - |
| Deposit | (2,039,815) | (2,039,815) | 949,844 |
| Kerugian Nilai Saksama Pembiayaan Anak Syarikat | - | (73,915,398) | - |
| **JUMLAH KUMPULAN/LHDNM** | **2,168,369,754** | **2,168,369,754** | **1,961,159,690** |

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

## 28. PENGLIBATAN MODAL

| KUMPULAN/LHDNM | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Dilulus dan Dikontrakkan | **155,242,358** | **191,184,877** |

## 29. KOMITMEN PAJAKAN OPERASI

Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

| KUMPULAN / LHDNM | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Kurang dari setahun | 393,688,447 | 260,982,738 |
| Lebih dari setahun dan tidak lebih dari lima tahun | 152,755,782 | 437,078,253 |
| **JUMLAH KUMPULAN / LHDNM** | **546,444,229** | **698,060,991** |

## 30. INSTRUMEN KEWANGAN

### 30.1. Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah di mana instrumen kewangan akan berubah akibat daripada perubahan kadar faedah di pasaran dan kadar faedah efektif berdasarkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kewangan seperti berikut:

| | Jumlah Nilai Bawaan | Dalam Setahun | 1 Hingga 5 Tahun | Kadar Faedah Efektif |
|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN / LHDNM** | **RM'000** | **RM'000** | **RM'000** | **%** |
| **2017** | | | | |
| **Aset Kewangan** | | | | |
| Pembiayaan Pekerja | 2,301 | 991 | 1,310 | 4.00 |
| Simpanan Tetap dan Perjanjian Belian Balik (Repo) | 119,372 | 119,372 | - | 3.03 – 3.90 |
| Tunai Di Bank dan Di Tangan | 135,174 | 135,174 | - | |
| | **256,847** | **255,537** | **1,310** | |
| **Liabiliti Kewangan** | | | | |
| Pinjaman Berjangka | 122,807 | 2,794 | 120,013 | 4.00 - 4.15 |
| Pajakan Kewangan | 4,969 | 2,784 | 2,185 | 5.00 – 6.85 |
| | **127,776** | **5,578** | **122,198** | |

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

| | Jumlah Nilai Bawaan | Dalam Setahun | 1 Hingga 5 Tahun | Kadar Faedah Efektif |
|---|---|---|---|---|
| **LHDNM** | **RM'000** | **RM'000** | **RM'000** | **%** |
| **2016** | | | | |
| **Aset Kewangan** | | | | |
| Pembiayaan Pekerja | 2,251 | 789 | 1,462 | 4.0 |
| Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek | 320,648 | 320,648 | - | 2.95 – 3.85 |
| Tunai Di Bank dan Di Tangan | 61,543 | 61,543 | - | |
| | **384,442** | **382,980** | **1,462** | |
| **Liabiliti Kewangan** | | | | |
| Pinjaman Berjangka | - | - | - | - |
| Pajakan Kewangan | 7,607 | 2,639 | 4,967 | 5.0 – 5.7 |
| | **7,607** | **2,639** | **4,967** | |

### 30.2. Risiko Kredit

Risiko kredit maksimum berkaitan dengan aset kewangan yang dikenalpasti adalah nilai bawaan yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. LHDNM tidak mempunyai penumpuan khas terhadap risiko kredit dengan mana-mana pihak.

### 30.3. Nilai Saksama

Nilai bawaan bagi semua aset kewangan dan liabiliti kewangan LHDNM pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan adalah dianggarkan pada nilai saksama.

## 31. CUKAI PENDAPATAN

Merujuk kepada kuasa Menteri pada seksyen 127 (3) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967, LHDNM telah diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan (kecuali pendapatan dividen) bagi tempoh mulai tahun taksiran 1997 sehingga ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Perintah pengecualian ini adalah merujuk kepada P.U.(A) 171/2000 [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Bil. 20) 2000].

Bagi pendapatan dividen, LHDNM turut dikecualikan cukai berdasarkan pendapatan dividen di bawah sistem satu peringkat [perenggan 21B, Jadual 6 Pengecualian Cukai, Akta Cukai Pendapatan 1967].

## 32. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Akta 533, Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2015 menetapkan Anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada sembilan individu termasuk Pengerusi (Ketua Setiausaha Perbendaharaan) dan Ketua Pegawai Eksekutif. Jumlah manfaat Anggota Lembaga sepanjang tahun kewangan seperti berikut:

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah Elaun / Manfaat Ahli Lembaga | 804,161 | 537,219 |

## 33. MAKLUMAT AM

Bilangan pekerja (status tetap, kontrak dan sambilan) pada akhir tahun kewangan 2017 adalah seramai 13,519 orang berbanding dengan 13,876 orang pada tahun 2016.

## 34. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Anak syarikat LHDNM telah diperbadankan pada 6 Oktober 2017. Ini adalah tahun pertama akaun LHDNM disatukan dalam kumpulan, maka tiada angka perbandingan dipersembahkan dalam penyata kewangan.


-50.90.02
-25.29.32
-14.14.75
-02.02.03
-02.02.35
02.02.32
00.00.23
-95.95.26



# LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

## PENDAPATAN

Jumlah Pendapatan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM2,550.54 juta yang terdiri daripada:

### Fi Agensi

Hasil utama LHDNM adalah Fi Agensi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 10 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. Pengiraan anggaran Fi Agensi boleh terima dari kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah anggaran kutipan kasar hasil cukai diperolehi dalam sesuatu tahun. Jumlah Fi Agensi yang diterima dalam tahun 2017 berjumlah RM1,845.36 (2016: RM1,846.04) juta. Terimaan fi adalah 72.35% daripada keseluruhan pendapatan LHDNM.

### Pemberian Kerajaan

Dalam tahun semasa, LHDNM telah menerima geran pemberian kerajaan sebanyak RM623.69 juta (2016: RM59.18 juta) yang meliputi peruntukan BR1M sebanyak RM80.00 juta (2016: RM39.00 juta) dan Pemberian Khas sebanyak RM543.69 juta (2016: RM20.18 juta). Geran dilunaskan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM52.56 juta (2016: RM58.76 juta) bagi Pemberian Peruntukan Pembangunan (RM51.83 juta) dan Pemberian Wang Amanah (RM0.73 juta).

### Pendapatan Lain

Selain daripada Fi Agensi dan pemberian kerajaan, pendapatan LHDNM turut disumbangkan oleh sumber pendapatan lain seperti faedah pelaburan dan pinjaman RM24.05 juta (2016: RM23.46 juta) dan pendapatan lain seperti sewaan, bayaran balik tahun-tahun lalu, denda dan hukuman, untung rugi jualan aset berjumlah RM4.88 juta (2016: RM4.85 juta).

Secara keseluruhannya, pendapatan LHDNM meningkat 28.02% berbanding RM1,992.29 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah berdasarkan peningkatan daripada hasil geran pemberian kerajaan sebanyak RM564.51 juta.

**CARTA 1: PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**



## PERBELANJAAN

### Rumusan Perbelanjaan

Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM2,382.59 juta (2016: RM1,957.16 juta). Kos pekerja merupakan perbelanjaan terbesar LHDNM iaitu sebanyak RM1,520.58 juta (2016: RM1,354.23 juta) diikuti oleh pemberian dan kenaan bayaran tetap sebanyak RM242.08 juta (2016: RM112.92 juta), perbelanjaan perkhidmatan iktisas dan hospitaliti berjumlah RM157.00 juta (2016: RM147.92 juta) dan perbelanjaan sewaan RM104.24 juta (2016: RM103.92 juta). Selain itu, perbelanjaan lain yang terlibat ialah perbelanjaan perhubungan dan utiliti RM89.70 juta (2016: RM60.86 juta), kos susutnilai/rosotnilai hartanah, loji dan peralatan RM69.28 juta (2016: RM73.65 juta), penyenggaraan dan pembaikan kecil RM67.73 juta (2016: RM31.38 juta) perbelanjaan bekalan dan bahan-bahan lain berjumlah RM20.34 juta (2016: RM9.54 juta), perjalanan dan sara hidup RM20.24 juta (2016: RM16.41 juta), perbelanjaan pembangunan dan amanah dilunaskan RM12.36 juta (2016: RM9.71 juta) dan lain-lain perbelanjaan berjumlah RM79.06 juta (2016: RM36.62 juta).

**CARTA 2: PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**




### Analisa Perbelanjaan

LHDNM membelanjakan 61.90% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi membiayai kos pekerja berstatus tetap, kontrak dan sambilan. Sumber manusia merupakan aset terpenting yang menjamin kepada pencapaian prestasi KPI LHDNM. Secara keseluruhan kos pekerja menunjukkan peningkatan sebanyak 12.28% berbanding tahun 2016 yang dipengaruhi oleh faktor pelarasan

Skim Gaji LHDNM 2017. Perbelanjaan kedua terbesar adalah pemberian dan kenaan bayaran tetap iaitu merangkumi bayaran Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP), perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan, Gantian Cuti Rehat (GCR) dan lain-lain.

**JADUAL 1: PERBANDINGAN PERBELANJAAN LHDNM BAGI TAHUN 2017 DAN TAHUN 2016**

| Jenis Perbelanjaan | Tahun 2017 | Tahun 2016 |
|---|---|---|
| | (RM) | (RM) |
| Kos Pekerja | 1,520,579,504 | 1,354,229,282 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 242,077,588 | 112,917,264 |
| Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti | 156,995,133 | 147,918,199 |
| Sewaan | 104,237,891 | 103,924,373 |
| Perhubungan dan Utiliti | 89,695,911 | 60,859,333 |
| Kerugian Nilai Saksama Pembiayaan Anak Syarikat | 73,915,398 | - |
| Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 69,276,059 | 73,653,839 |
| Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil | 67,731,836 | 31,376,384 |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain | 20,338,517 | 9,542,705 |
| Perjalanan dan Sara Hidup | 20,236,269 | 16,414,675 |
| Perbelanjaan Tunai Dilunaskan | 12,356,200 | 9,707,697 |
| Perbelanjaan Lain | 79,069,725 | 36,619,968 |
| **Jumlah** | **2,456,510,031** | **1,957,163,719** |

### Perbandingan Perbelanjaan

Secara keseluruhan, perbelanjaan LHDNM telah meningkat sebanyak 25.51% berbanding RM1,957.16 juta pada tahun 2016. Penyumbang terbesar kepada peningkatan perbelanjaan ini adalah perbelanjaan lain iaitu sebanyak 115.92% disebabkan penjelasan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP), peningkatan kadar bayaran premium insurans kesihatan bagi syer majikan dan lain-lain. Selain itu, penyenggaraan dan pembaikan kecil menunjukkan peningkatan 115.87% disebabkan pada tahun 2017, LHDNM telah melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan pejabat terutamanya yang melibatkan Cawangan di Kompleks Kerajaan Jalan Sultan Abdul Halim, pewujudan Cawangan baru serta kerja-kerja pembaikan di seluruh Jabatan, Negeri dan Cawangan.

Pemberian dan kenaan bayaran tetap juga menunjukkan peningkatan ketara melebihi 100% (114.38%) disebabkan oleh peningkatan peruntukan dan bayaran Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP), peningkatan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan, Gantian Cuti Rehat (GCR) dan lain-lain. Peruntukan STP bagi tahun 2017 perlu diakaunkan selaras dengan keperluan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS).

**JADUAL 2: PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2013-2017)**

| Perangkaan Kewangan Yang Penting | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM JUTA | RM JUTA | RM JUTA | RM JUTA | RM JUTA |
| Pendapatan | 1,948.13 | 1,886.96 | 2,058.09 | 1,992.29 | 2,550.54 |
| Perbelanjaan | 1,907.27 | 2,016.55 | 1,963.95 | 1,957.16 | 2,456.51 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan | 40.86 | (129.59) | 94.14 | 35.13 | 94.03 |
| Lebihan Terkumpul | 660.15 | 530.56 | 1,148.88 | 1,184.01 | 1,278.04 |
| Aset Bukan semasa | 1,609.95 | 1,509.33 | 1,673.77 | 1,605.37 | 1,768.84 |
| Aset Semasa | 343.15 | 358.78 | 450.48 | 400.94 | 559.27 |
| Liabiliti Semasa | 58.90 | 137.22 | 91.13 | 19.94 | 18.42 |
| Liabiliti Jangka Panjang | 913.54 | 879.80 | 844.39 | 761.41 | 989.72 |

**CARTA 3: PRESTASI KOMPONEN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN**




## RUMUSAN KOMPONEN LEMBARAN IMBANGAN LHDNM

Peningkatan aset semasa sebanyak 39.49% adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah penghutang perkhidmatan yang melibatkan jumlah tertunggak baki Fi Agensi tahun 2017 sebanyak RM399.92 juta yang tidak diterima oleh LHDNM sehingga 31 Disember 2017.

Liabiliti jangka panjang mencatat peningkatan sebanyak 29.99% disebabkan pertambahan manfaat pekerja bagi mengiktiraf bayaran STP yang akan dibayar pada tahun 2018 serta Pinjaman Berjangka bagi tempoh lima (5) hingga sepuluh (10) tahun yang dilaksanakan oleh LHDNM bagi perolehan Menara Hasil Cawangan Kuantan dan kenderaan pejabat.

**CARTA 4: PRESTASI KOMPONEN PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**




## RUMUSAN KOMPONEN PENYATA PENDAPATAN LHDNM

Pendapatan LHDNM memainkan peranan yang penting dalam merancang perbelanjaan semasa dan bukan semasa LHDNM. Pendapatan LHDNM merupakan Pembolehubah Tidak Bersandar (*Independent Variable*) di mana terimaan hasil akan mempengaruhi corak perbelanjaan semasa dan perancangan perbelanjaan jangka panjang LHDNM. Peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya iaitu 25.51% selaras dengan peningkatan pendapatan bagi tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya iaitu 28.02%.

## PRESTASI PERBELANJAAN OPERASI MENGIKUT PROGRAM DAN AKTIVITI

Peruntukan LHDNM diagih dan dibelanjakan mengikut 6 program utama yang mengandungi 8 aktiviti.  Program di Peringkat Ibu Pejabat adalah Perkhidmatan Percukaian, Pematuhan, Dasar, Operasi Percukaian dan Pengurusan manakala Program Negeri meliputi aktiviti di peringkat cawangan di seluruh Malaysia. Statistik perbelanjaan mengikut program adalah seperti di bawah.

**JADUAL 3: PERBELANJAAN MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2017 DAN TAHUN 2016**

| Program | Tahun 2017 (RM) | Tahun 2016 (RM) | Perbezaan (%) |
|---|---|---|---|
| Perkhidmatan Percukaian | 59,759,258 | 129,915,071 | (56.31) |
| Pematuhan | 103,220,013 | 86,251,017 | 19.67 |
| Dasar | 63,980,706 | 27,180,751 | 135.39 |
| Operasi Percukaian | 312,591,209 | 210,978,049 | 48.16 |
| Pengurusan | 531,882,308 | 254,711,177 | 108.82 |
| Negeri | 1,253,890,509 | 1,112,824,809 | 12.68 |
| **Jumlah** | **2,322,324,003** | **1,821,860,875** | **27.47** |

Perbelanjaan di Jadual 3 adalah tidak termasuk perbelanjaan susutnilai/rosotnilai hartanah, loji dan peralatan dan perbelanjaan BR1M

**CARTA 5: PRESTASI PERBELANJAAN LHDNM MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2017**



### Program Perkhidmatan Percukaian

Perbelanjaan di bawah Program Perkhidmatan Percukaian menunjukkan penurunan sebanyak 56.31% berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan perubahan dan semakan semula portfolio program bagi memperkemaskan fungsi aktiviti sedia ada bagi memenuhi *Key Result Area* (KRA) dan *Key Performance Indicator* (KPI) LHDNM. Aktiviti yang kekal dalam program ini hanya melibatkan aktiviti khas, komunikasi dan pengauditan dalaman. Manakala aktiviti-aktiviti seperti penyelidikan percukaian, khidmat korporat, inspektorat, pengurusan risiko dan pengurusan kewangan diubah kepada program yang lebih bersesuaian seperti program pematuhan, dasar, operasi percukaian dan pengurusan.

### Program Pematuhan

Perbelanjaan di bawah Program Pematuhan adalah merangkumi semua perbelanjaan aktiviti-aktiviti seperti penggubalan dasar berkaitan pematuhan cukai, siasatan, pengauditan cukai korporat dan cukai bagi syarikat multinasional serta industri khas. Aktiviti penguatkuasaan dan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan percukaian adalah tunjang kepada pematuhan cukai negara. Program ini adalah dilaksanakan oleh beberapa jabatan dan bahagian yang berada di bawah Ibu Pejabat di LHDNM. Perbelanjaan di bawah program ini menunjukkan peningkatan sebanyak 19.67% berbanding tahun 2016.

### Program Dasar

Program Dasar merangkumi aktiviti penggubalan dasar bagi operasi percukaian dalam negara dan antarabangsa. Program ini turut merangkumi fungsi undang-undang seperti pengendalian kes-kes mahkamah dan bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada LHDNM. Sebahagian besar daripada kos adalah melibatkan kos pekerja, perjalanan dan sara hidup serta kos mahkamah. Perbelanjaan di bawah program ini meningkat sebanyak 135.39% pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya disebabkan perubahan aktiviti penyelidikan dari program perkhidmatan percukaian kepada program dasar. Perubahan portfolio ini bagi tujuan kawalan dan pematuhan yang lebih cekap terutamanya melibatkan pengurusan mahkamah dan perundangan.

### Program Operasi Percukaian

Program Operasi Percukaian merupakan komponen terpenting dalam memastikan kecekapan proses kutipan cukai di LHDNM. Aktiviti di bawah program ini merangkumi aktiviti operasi percukaian dan pungutan hasil serta pengurusan teknologi maklumat. Perbelanjaan meningkat sebanyak 48.16% di mana perbelanjaan tertinggi bagi program ini adalah melibatkan perbelanjaan perkhidmatan komputer dan pemprosesan data. Perbelanjaan ini adalah bertujuan memastikan mutu sistem penyampaian LHDNM kepada para pelanggan sentiasa dalam keadaan yang terbaik.

### Program Pengurusan

Program Pengurusan terdiri daripada aktiviti yang melibatkan pengurusan kewangan, pembangunan organisasi, pengurusan sumber manusia, pengendalian kursus dan latihan serta pengurusan aset termasuk bangunan pejabat LHDNM. LHDNM juga memberi penekanan kepada latihan yang komprehensif dan pembangunan sumber manusia yang berterusan di mana tumpuan utama adalah bagi melestarikan pengurusan percukaian. Pelaksanaan aktiviti ini dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang LHDNM bagi melahirkan pegawai-pegawai yang berkompetensi tinggi bagi melaksanakan fungsi utama percukaian yang telah digariskan. Pada tahun 2017, program pengurusan dikendalikan secara berpusat yang melibatkan program negeri dan program lain dan ianya meningkatkan perbelanjaan sebanyak 108.82% berbanding tahun sebelumnya.

### Program Negeri

Program Negeri merupakan program yang menyumbang kepada perbelanjaan terbesar di LHDNM iaitu 53.99% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan dan lebih 50% daripada perbelanjaan ini adalah melibatkan

kos pekerja. Aktiviti di bawah program Negeri adalah seperti aktiviti Pentadbiran di Negeri, audit cukai, pungutan, duti setem, siasatan, pengesanan, perundangan dan khidmat pelanggan.

## PRESTASI PERBELANJAAN MODAL LHDNM BAGI TAHUN 2017

Pada tahun 2017, peruntukan perbelanjaan modal yang diluluskan adalah berjumlah RM148,531,860 bagi membiayai pelaksanaan Projek ICT (RM75,373,690) dan Projek Infrastruktur Pejabat (RM73,158,170). Projek ICT yang diluluskan adalah untuk mewujudkan satu sistem pengurusan percukaian yang cekap dan efisien selari dengan perkembangan teknologi terkini. Ianya dirangka secara atas talian bagi memudahkan urusan pembayar cukai dan secara tidak langsung memberi impak positif terhadap peningkatan kutipan cukai.

Projek Infrastruktur Pejabat yang diluluskan adalah untuk menyediakan kemudahan dan bangunan pejabat sendiri yang lebih selesa serta mesra pengguna sama ada bagi pegawai-pegawai LHDNM mahupun pembayar cukai.

## PENCAPAIAN KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan LHDNM dilaksanakan dengan berhemah, telus dan *value for money.* Semua perbelanjaan yang dibuat adalah membolehkan ianya memberi impak positif kepada fungsi utama LHDNM iaitu mengutip hasil cukai bagi pendapatan Negara. Peningkatan kos sebanyak 25.51% (2017:RM2,456.51 juta) berbanding tahun 2016 (RM1,957.16 juta) memberi petunjuk yang baik terhadap pengurusan kewangan di LHDNM dan ianya selaras dengan pencapaian melebihi sasaran LHDNM dalam semua petunjuk prestasi utama (KPI) percukaian yang ditetapkan seperti kutipan hasil, pembesaran asas cukai, auditan pembayar cukai, penyelesaian kes-kes siasatan, mengurangkan tunggakan hasil dan lain-lain KPI (bukan percukaian) yang telah ditetapkan kepada LHDNM.

HASiL

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai
Cyber 8 63000 Cyberjaya
Selangor

/LHDNM
/lhdnTube
/LHDNM
/LHDNMofficial
www.hasil.gov.my
1-800-885436

www.hasil.gov.my